



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN  
JABATAN/AGENSI NEGERI

MELAKA

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





**ISSN 2811-4205**



9 7 7 7 2 8 1 1 4 2 0 0 0 1

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 & F3, Kompleks F  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>  
Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)  
Tel: 603-8091 1000  
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
Emel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN  
JABATAN/AGENSI NEGERI

MELAKA

---

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# KANDUNGAN



---

# KANDUNGAN

---

<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020</b>	
Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	14
Kumpulan Wang Disatukan	15
Wang Awam	16
Akaun Hasil Disatukan	19
Akaun Pinjaman Disatukan	30
Akaun Amanah Disatukan	30
Penyata Akaun Memorandum	43
Nota Kepada Penyata Kewangan	54
Rumusan Audit	56
Syor Audit	57
<b>BAHAGIAN III</b>	
<b>PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI</b>	
Ringkasan Eksekutif	61
Pendahuluan	63
Pengauditan Penyata Kewangan	63
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	64
Pemakaian Piawaian Perakaunan	65
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	66
Pembentangan Penyata Kewangan	74
Analisis Prestasi Kewangan	75
Rumusan Audit	76
Syor Audit	76

## **BAHAGIAN IV PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

Ringkasan Eksekutif	79
Pengenalan	81
Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka	85
1. Pengurusan Hasil Duti Hiburan	
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	
Majlis Perbandaran Alor Gajah	
Majlis Perbandaran Jasin	95
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	
2. Pengurusan Cukai Taksiran	

## **BAHAGIAN V PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	111
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	111

<b>PENUTUP</b>	117
----------------	-----

## **LAMPIRAN**

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka	121
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	125
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	126
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	127
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	129
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	130
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	131

<b>AKRONIM</b>	151
----------------	-----



# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Melaka, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka yang akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
  - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
  - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
  - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
  - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
  - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**22 November 2021**



# **BAHAGIAN I**

## **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA**

**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **BAHAGIAN I** **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

## **Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- Hal-hal Lain.

Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelum dan dibayar pada tahun semasa perlu mengambil kira baki peruntukan jabatan sebelum kelulusan diberi; dan
- tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi Badan Berkanun, agensi dan syarikat Kerajaan negeri perlu dikutip atau dibuat penjadualan semula supaya baki ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

#### **FAKTA UTAMA**

**01.01.2020 -**

**31.12.2020**

Tahun kewangan Kerajaan negeri

**Komponen Penyata Kewangan**

**Jenis Pendapat Audit**

**31 Julai 2021**

Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

**01 Mac 2021**

Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit

Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain

#### **1. PENDAHULUAN**

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara pada **1 Mac 2021**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2020. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Tanggungan Kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada pihak Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri serta jabatan negeri melalui surat pengurusan Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Mesyuarat Penutup bersama Pegawai Kewangan Negeri dan ketua jabatan telah diadakan pada 13 Ogos 2021.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain di Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

3.3.1. pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelum dan dibayar pada tahun semasa perlu mengambil kira baki peruntukan jabatan sebelum kelulusan diberi; dan

3.3.2. tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi Badan Berkanun, agensi dan syarikat Kerajaan negeri perlu dikutip atau dibuat penjadualan semula supaya baki ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

3.4. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang disertakan bersama dengan pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.





## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**



### **BAHAGIAN II** **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuatkan prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM160.40 juta, meningkat sebanyak RM31.75 juta berbanding RM128.65 juta pada akhir tahun 2019.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan defisit berjumlah RM57.16 juta. Kutipan hasil pada tahun 2020 menurun sebanyak RM26.23 juta kepada RM392.88 juta berbanding RM419.11 juta pada tahun 2019.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMke-11 pada tahun 2020 adalah baik iaitu sejumlah RM67.18 juta (96.0%) telah dibelanjakan berbanding RM70 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 390 projek yang dirancang, 361 projek (92.6%) telah disiapkan

sepenuhnya, 11 projek (2.8%) sedang dilaksanakan dan 18 projek (4.6%) ditangguhkan daripada keseluruhan 390 projek yang dirancang.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.26 juta (1.2%) kepada RM420.70 juta pada tahun 2020 berbanding RM425.96 juta bagi tahun 2019.
- Jumlah Hutang Awam pada akhir tahun 2020 menurun sebanyak RM178.60 juta (21.7%) kepada RM643.03 juta berbanding RM821.63 juta pada tahun 2019.

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
<b>↓ HASIL</b>  2020 – RM392.88 Juta 2019 – RM419.11 Juta	<b>↑ AKAUN HASIL DISATUKAN</b>  2020 - (RM57.16 Juta) 2019 - (RM73.30 Juta)	<b>↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</b>  2020 - RM420.70 Juta 2019 - RM425.96 Juta
<b>↓ BELANJA</b>  2020 – RM422.91 Juta 2019 - RM423.89 Juta	<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>  2020 - RM0.00 2019 - RM0.00	<b>↑ PELABURAN</b>  2020 – RM182.65 Juta 2019 – RM110.03 Juta
	<b>↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>  2020 - RM217.56 Juta 2019 – RM201.95 Juta	<b>↓ HUTANG AWAM</b>  2020 – RM643.03 Juta 2019 – RM821.63 Juta

#### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020, juga membuat analisis mengikut prinsip perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

#### 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan negeri dan bagaimana lebihan atau defisit hasil tersebut dibiayai. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Pada tahun 2020, prestasi kewangan Kerajaan negeri mencatatkan defisit berjumlah RM30.03 juta iaitu meningkat sebanyak RM25.25 juta (528.2%) berbanding defisit berjumlah RM4.78 juta pada tahun 2019.

3.2. Hasil Kerajaan negeri berjumlah RM392.88 juta manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM422.91 juta. Hasil Kerajaan negeri menurun sebanyak RM26.23 juta (6.3%) berbanding RM419.11 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan mengurus menunjukkan penurunan sebanyak RM5.07 juta (1.4%) kepada RM355.73 juta pada tahun 2020 berbanding RM360.80 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan pembangunan pula meningkat sebanyak RM4.09 juta kepada RM67.18 juta pada tahun 2020 berbanding RM63.09 juta pada tahun 2019.

3.3. Kerajaan negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan berjumlah RM24.60 juta serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah berjumlah RM5.43 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1  
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	%
<b>HASIL</b>	<b>392.88</b>	<b>419.11</b>	<b>(26.23)</b>	<b>(6.3)</b>
Hasil Cukai	112.12	121.05	(8.93)	(7.4)
Hasil Bukan Cukai	219.98	192.49	27.49	14.3
Terimaan Bukan Hasil	60.78	105.57	(44.79)	(42.4)
<b>(-) PERBELANJAAN</b>	<b>422.91</b>	<b>423.89</b>	<b>(0.98)</b>	<b>(0.2)</b>
Perbelanjaan Mengurus*	355.73	360.80	(5.07)	(1.4)
Perbelanjaan Pembangunan	67.18	63.09	4.09	6.5
<b>LEBIHAN/(DEFISIT)</b>	<b>(30.03)</b>	<b>(4.78)</b>	<b>(25.25)</b>	<b>(528.2)</b>
<b>DEFISIT DIBIAYAI OLEH:</b>				
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	24.60	24.35	0.25	1.0
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	5.43	(19.57)	25.00	(127.7)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>	<b>30.03</b>	<b>4.78</b>	<b>25.25</b>	<b>(528.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) – Mulai tahun 2020, Belanja Mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Belanja Mengurus bagi tahun 2019 telah dinyatakan semula.

#### 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM160.40 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM31.75 juta (24.7%) kepada RM160.40 juta pada tahun 2020 berbanding RM128.65 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan defisit kepada RM57.16 juta berbanding RM73.30 juta pada tahun 2019. Akaun Amanah Disatukan menunjukkan peningkatan daripada RM201.95 juta pada tahun 2019 kepada RM217.56 juta pada tahun 2020. Pelaporan bagi baki akhir Akaun Penyelesaian, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Deposit di Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2019 adalah berbeza dengan pelaporan baki awal di penyata kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2020 disebabkan oleh berlaku perubahan kategori akaun berikutan peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS.

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**. Selanjutnya, pihak Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2020 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun dan menunjukkan peningkatan sejak tahun 2018 adalah seperti dalam **Carta 1**.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**DISATUKAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**


BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(57.16)	(73.30)	16.14	(22.0)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	217.56	201.95	15.61	7.7
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	(551.42)	(529.83)	(21.59)	(4.1)
	ii. Akaun Penyelesaian	419.97	373.36	46.61	12.5
	iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	210.63	245.90	(35.27)	(14.3)
	iv. Kumpulan Wang Amanah Awam	99.28	83.01	16.27	19.6
	v. Akaun Deposit	39.10	29.51	9.59	32.5
<b>JUMLAH</b>		<b>160.40</b>	<b>128.65</b>	<b>31.75</b>	<b>24.7</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: Mulai tahun 2020, Akaun Penyelesaian dikeluarkan daripada Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Amaun perbandingan bagi tahun 2019 telah dinyatakan semula melibatkan Akaun Penyelesaian, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Deposit.

**CARTA 1**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**DISATUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

## 5. WANG AWAM

Wang awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan. Baki wang awam pada akhir tahun 2020 berjumlah RM160.40 juta, iaitu meningkat sebanyak RM31.75 juta (24.7%) berbanding pada akhir tahun 2019 yang berjumlah RM128.65 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pendahuluan bayaran khas kewangan Negeri Melaka daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM100 juta pada tahun 2020. Kedudukan wang awam bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN WANG AWAM**  
**BAGI TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai	91.06	60.11	30.95	51.5
2.	Pelaburan	69.34	68.54	0.80	1.2
<b>JUMLAH</b>		<b>160.40</b>	<b>128.65</b>	<b>31.75</b>	<b>24.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan deposit,

iaitu simpanan tetap yang disimpan kurang daripada tiga bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan wang tunai bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**KEDUDUKAN WANG TUNAI**  
**BAGI TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	90.07	58.06	32.01	55.1
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	1.09	(1.09)	(100.0)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.99	0.96	0.03	3.1
<b>JUMLAH</b>		<b>91.06</b>	<b>60.11</b>	<b>30.95</b>	<b>51.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

5.1.2. Wang tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM30.95 juta (51.5%), iaitu daripada RM60.11 juta pada tahun 2019 kepada RM91.06 juta pada tahun 2020. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan peningkatan sebanyak RM32.01 juta (55.1%) pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Wang Tunai Dalam Perjalanan menurun sebanyak RM1.09 juta (100.0%) manakala Wang Tunai Dalam Tangan pula meningkat sebanyak RM0.03 juta (3.1%).

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Kategori pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan daripada Kumpulan Wang Amanah adalah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

5.2.2. Pada akhir tahun 2020, jumlah pelaburan telah meningkat sebanyak RM0.80 juta (1.2%) kepada RM69.34 juta berbanding RM68.54 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan Pelaburan Portfolio Pengurusan Dana berjumlah RM9 juta dan pertambahan pelaburan dalam Dana Sukuk sejumlah RM1 juta. Maklumat terperinci pelaburan Kerajaan negeri bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Simpanan Tetap	32.75	42.10	(9.35)	(22.2)
2.	Saham Tersiar Harga	12.59	12.44	0.15	1.2
3.	Portfolio Pengurusan Dana	20.00	11.00	9.00	81.8
4.	Dana Sukuk	4.00	3.00	1.00	33.3
<b>JUMLAH</b>		<b>69.34</b>	<b>68.54</b>	<b>0.80</b>	<b>1.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019


5.2.3. Analisis pulangan dalam bentuk dividen/faedah daripada simpanan tetap, pelaburan saham tersiar harga, portfolio pengurusan dana dan dana sukuk melebihi tiga bulan menunjukkan kadar dividen/faedah yang diperoleh adalah antara 2.7% hingga 3.9% bagi tempoh lima tahun. Kedudukan pulangan pelaburan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**JADUAL 6**  
**KEDUDUKAN PULANGAN PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	SIMPANAN TETAP (RM Juta)	SAHAM TERSIAR HARGA (RM Juta)	PORTFOLIO PENGURUSAN DANA (RM Juta)	DANA SUKUK (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	DIVIDEN/ FAEDAH	
						(RM Juta)	(%)
2020	32.75	12.59	20.00	4.00	69.34	2.02	2.9
2019	42.10	12.44	11.00	3.00	68.54	1.96	2.9
2018	34.60	12.44	11.50	0.00	58.54	1.86	3.2
2017	20.60	10.10	9.50	0.00	40.20	1.07	2.7
2016	17.10	11.34	0.00	0.00	28.44	1.11	3.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 2**  
**PELABURAN DAN PULANGAN**  
**PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

5.2.4. Kerajaan negeri memperoleh dividen/faedah berjumlah RM2.02 juta hasil daripada aktiviti pelaburan dalam Simpanan Tetap, Saham Tersiar Harga, Portfolio Pengurusan Dana dan Dana Sukuk pada tahun 2020. Terdapat tambahan Saham Tersiar Harga berjumlah RM153,264 dan keuntungan penjualan Saham Tersiar Harga berjumlah RM435,253 dalam penyata kewangan pada tahun 2020. Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka telah diwujudkan pada 27 November 2019 berdasarkan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Pelaburan Tabung Amanah Simpanan Negeri adalah berjumlah RM0.65 juta sebagai simpanan tetap dan direkodkan dalam penyata kewangan pada tahun 2020.

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2020 mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM16.14 juta berbanding lebihan semasa berjumlah RM18.08 juta pada tahun 2019. Lebihan semasa ini berpunca daripada hasil Kerajaan negeri berjumlah RM392.88 juta melebihi perbelanjaan mengurus berjumlah RM376.74 juta. Jumlah ini termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta. Lebihan semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 telah mengurangkan defisit baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kepada RM57.16 juta berbanding RM73.30 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

**JADUAL 7  
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(73.30)	(91.38)	18.08	(19.8)
Hasil	392.88	419.11	(26.23)	(6.3)
Perbelanjaan Mengurus	376.74*	401.03	(24.29)	(6.1)
Lebihan/(Defisit)	16.14	18.08	(1.94)	(10.7)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(57.16)</b>	<b>(73.30)</b>	<b>16.14</b>	<b>(22.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) - termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta


**JADUAL 8**  
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(73.30)	(91.38)	(77.52)	(54.71)	(78.59)
Hasil	392.88	419.11	367.00	335.33	370.69
Perbelanjaan Mengurus	376.74*	401.03	380.86	358.14	346.81
Lebihan/(Defisit)	16.14	18.08	(13.86)	(22.81)	23.88
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(57.16)</b>	<b>(73.30)</b>	<b>(91.38)</b>	<b>(77.52)</b>	<b>(54.71)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

Nota: (\*) - termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta

**CARTA 3**  
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

## 6.1. Hasil

6.1.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada tiga kategori utama, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM392.88 juta berbanding anggaran hasil berjumlah RM390.22 juta (100.7%). Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran hasil pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN HASIL PADA TAHUN 2020**

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	155.35	112.12	72.2
2.	Hasil Bukan Cukai	177.35	219.98	124.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	57.52	60.78	105.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>390.22</b>	<b>392.88</b>	<b>100.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

6.1.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 menurun sebanyak RM26.23 juta (6.3%) kepada RM392.88 juta berbanding RM419.11 juta pada tahun 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**. Kedudukan kutipan hasil bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 4**.

**JADUAL 10**  
**KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	112.12	121.05	(8.93)	(7.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	219.98	192.49	27.49	14.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	60.78	105.57	(44.79)	(42.4)
	<b>JUMLAH</b>	<b>392.88</b>	<b>419.11</b>	<b>(26.23)</b>	<b>(6.3)</b>


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

**JADUAL 11**  
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	112.12	121.05	124.93	119.67	125.52
2.	Hasil Bukan Cukai	219.98	192.49	186.20	174.08	186.22
3.	Terimaan Bukan Hasil	60.78	105.57	55.87	41.58	58.95
	<b>JUMLAH</b>	<b>392.88</b>	<b>419.11</b>	<b>367.00</b>	<b>335.33</b>	<b>370.69</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 4**  
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

6.1.3. Bagi tahun 2020, sebanyak lima butiran hasil telah mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara berbanding tahun 2019 seperti dalam **Jadual 12** dan **Jadual 13**.

**JADUAL 12**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL**  
**YANG KETARA BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
<b>HASIL CUKAI</b>						
1.	Cukai Tanah Tunggakan	7.40	5.54	1.86	33.6	Kerajaan Negeri Melaka memberi pengecualian 50% denda lewat kepada pemilik tanah dan penggadai tanah yang mempunyai tunggakan.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
2.	Pelbagai Sumbangan	19.13	5.32	13.81	259.6	Peningkatan terimaan wang sumbangan daripada Badan Berkanun Negeri dan syarikat Kerajaan negeri pada tahun 2020.
3.	Bayaran Perkhidmatan yang Lain	18.85	16.26	2.59	15.9	Peningkatan terimaan <i>Earnest Money</i> , bayaran komitmen dan bayaran proses bagi Unit Perancang Ekonomi Negeri yang melibatkan konsesi penambakan laut.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
4.	Royalti yang Lain	9.77	7.66	2.11	27.5	Bayaran royalti pasir berkaitan tambakan laut.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
5.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	7.05	1.54	5.51	357.8	Bayaran balik emolumen terlebih bayar.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

**JADUAL 13**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL**  
**YANG KETARA BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
<b>HASIL CUKAI</b>						
1.	Cukai Hiburan yang Lain	3.29	12.18	(8.89)	(73.0)	Penutupan premis hiburan, taman tema dan pawagam disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
2.	Premium Tanah	66.27	108.71	(42.44)	(39.0)	Kutipan hasil Premium Tanah dan Tukar Syarat projek pembangunan tanah yang diluluskan oleh Pihak Berkusa Negeri.
3.	Premium Tukar Syarat	2.49	6.24	(3.75)	(60.1)	
4.	Caj Pengecualian Pembinaan Rumah Kos Rendah	0.00	3.69	(3.69)	(100.0)	Tiada terimaan caj pengecualian pembinaan rumah kos rendah pada tahun 2020.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
5.	Pemberian dan Caruman	0.00	50.00	(50.00)	(100.0)	Tiada terimaan pemberian dan caruman daripada Kerajaan Persekutuan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

6.1.4. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Premium Tanah, Cukai Tanah Semasa, Pemberian Hitung Kepala, Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan dan Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM180.94 juta, iaitu 46.1% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2020 berjumlah RM392.88 juta. Bagaimanapun, peratus sumbangan ini telah menurun jika dibandingkan dengan peratus sumbangan bagi tahun 2019, iaitu 54.3% daripada keseluruhan hasil berjumlah RM419.11 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**. Kutipan hasil bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 14**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN**  
**NEGERI BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>2020</b>		<b>2019</b>	
		<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
1.	Premium Tanah	66.27	16.9	108.71	25.9
2.	Cukai Tanah Semasa	76.58	19.5	79.72	19.0
3.	Pemberian Hitung Kepala	15.85	4.0	15.73	3.8
4.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.00	2.5	10.31	2.5
5.	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	12.24	3.1	13.25	3.2
<b>JUMLAH</b>		<b>180.94</b>	<b>46.1</b>	<b>227.72</b>	<b>54.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

**JADUAL 15**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN**  
**NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>2020 (RM Juta)</b>	<b>2019 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>2017 (RM Juta)</b>	<b>2016 (RM Juta)</b>
1.	Premium Tanah	66.27	108.71	115.38	121.06	136.29
2.	Cukai Tanah Semasa	76.58	79.72	79.88	78.53	76.00
3.	Pemberian Hitung Kepala	15.85	15.73	15.60	15.48	15.36
4.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	10.00	10.31	10.50	9.82	8.88
5.	Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah	12.24	13.25	10.40	8.72	9.17
<b>JUMLAH</b>		<b>180.94</b>	<b>227.72</b>	<b>231.76</b>	<b>233.61</b>	<b>245.70</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

## 6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain dengan perintah mahkamah. Perbelanjaan perbekalan adalah untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian jabatan/Kerajaan negeri.

6.2.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada lima jenis, iaitu Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM390 juta menurun sebanyak RM22.33 juta (5.4%) berbanding RM412.33 juta pada tahun 2019. Penurunan tertinggi anggaran perbelanjaan mengurus adalah bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah

RM17.59 juta (13.7%) kepada RM110.98 juta pada tahun 2020 berbanding RM128.57 juta pada tahun 2019. Anggaran perbelanjaan mengurus bagi Aset pula meningkat sebanyak RM3.23 juta (95.0%) kepada RM6.63 juta pada tahun 2020 berbanding RM3.40 juta pada tahun 2019. Anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**ANGGARAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN 2020 (RM Juta)	ANGGARAN 2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	111.04	114.25	(3.21)	(2.8)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	160.22	161.43	(1.21)	(0.7)
3.	Aset	6.63	3.40	3.23	95.0
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	110.98	128.57	(17.59)	(13.7)
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1.13	4.68	(3.55)	(75.9)
<b>JUMLAH</b>		<b>390.00</b>	<b>412.33</b>	<b>(22.33)</b>	<b>(5.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

6.2.3. Pada tahun 2020, sejumlah RM376.74 juta (96.6%) telah dibelanjakan daripada anggaran yang diluluskan berjumlah RM390 juta. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING**  
**ANGGARAN DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2020**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	111.04	108.25	97.5
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	160.22	153.51	95.8
3.	Aset	6.63	6.28	94.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	110.98	107.63	97.0
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1.13	1.07	94.7
<b>JUMLAH</b>		<b>390.00</b>	<b>376.74*</b>	<b>96.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

Nota: (\*) - termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta

6.2.4. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus sebenar Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM24.29 juta (6.1%) kepada RM376.74 juta pada tahun 2020 berbanding RM401.03 juta pada tahun 2019. Punca penurunan perbelanjaan antaranya disebabkan penurunan sebanyak RM3.50 juta (76.6%) ke atas Perbelanjaan-perbelanjaan Lain, iaitu daripada RM4.57 juta pada tahun 2019 kepada RM1.07 juta pada tahun 2020. Selain itu, penurunan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM19.24 juta (15.2%), iaitu RM107.63 juta pada tahun 2020 berbanding RM126.87 juta pada tahun 2019. Kedudukan perbelanjaan mengurus

Kerajaan negeri bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	108.25	111.27	(3.02)	(2.7)
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	153.51	154.96	(1.45)	(0.9)
3.	Aset	6.28	3.36	2.92	86.9
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	107.63	126.87	(19.24)	(15.2)
5.	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1.07	4.57	(3.50)	(76.6)
<b>JUMLAH</b>		<b>376.74*</b>	<b>401.03</b>	<b>(24.29)</b>	<b>(6.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) - termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta

6.2.5. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mengurus sebenar bagi tahun 2020 mendapati lima jenis perbelanjaan mengurus yang meningkat dengan ketara antara RM393,770 hingga RM5.40 juta bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	TAHUN		PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>						
1.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	6.53	1.13	5.40	477.9	Bayaran perintah mahkamah bagi Jeti Parameswara Lot 1342.
<b>ASET</b>						
2.	Kenderaan dan Jentera	0.49	0.10	0.39	390.0	Pembelian bagi penggantian kenderaan rasmi jabatan di Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka.
3.	Aset Tidak Ketara	1.19	0.00	1.19	100.0	Penyelarasan penggunaan kod objek sebagai 39000 bagi pengurusan Harta Intelek dan Harta Bukan Intelek.
4.	Bangunan	0.70	0.00	0.70	100.0	Bayaran bagi kerja-kerja naik taraf bumbung.
5.	Infrastruktur dan Pembangunan Infra	0.47	0.00	0.47	100.0	Bayaran bagi naik taraf sistem penyaman udara, sistem air dan pendawaian semula serta penyenggaraan elektrik.
<b>JUMLAH</b>		<b>9.38</b>	<b>1.23</b>	<b>8.15</b>	<b>662.6</b>	

Sumber: Data iSPEKS dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

6.2.6. Lima butiran perbelanjaan mengurus yang menurun dengan ketara antara RM467,934 hingga RM4.74 juta bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	TAHUN		PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>						
1.	Kos Kewangan	1.00	5.00	(4.00)	(80.0)	Peruntukan perbelanjaan tanggungan di bawah T03 adalah berdasarkan kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
<b>PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN</b>						
2.	Pulangan Balik dan Hapuskira	1.04	4.53	(3.49)	(77.0)	Penurunan kes pulangan balik dan hapuskira.
<b>EMOLUMEN</b>						
3.	Bantuan Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	4.20	8.94	(4.74)	(53.0)	Bantuan Khas Kewangan (BKK) yang diumum semasa pembentangan Belanjawan 2021 dibuat sebanyak dua kali bayaran iaitu pada bulan Disember 2020 dan Januari 2021. Bayaran BKK pada bulan Januari 2021 telah menggunakan peruntukan tahun 2021.
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>						
4.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	2.33	4.95	(2.62)	(52.9)	Penurunan tuntutan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup disebabkan oleh Pandemik Covid-19.
5.	Bekalan Bahan Mentah	1.21	1.68	(0.47)	(28.0)	Penurunan perbelanjaan bahan mentah disebabkan Pandemik Covid-19.
<b>JUMLAH</b>		<b>9.78</b>	<b>25.10</b>	<b>(15.32)</b>	<b>(61.0)</b>	

Sumber: Data iSPEKS dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

### 6.2.7. Pembayaran di Bawah Arahan Perpendaharaan AP58(a)

- Arahan Perpendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat

pada tahun semasa. Bayaran boleh dibuat dengan syarat baki peruntukan tahun sebelumnya mencukupi dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Jika sebab kelewatan pembayaran itu tidak memuaskan, ada keraguan atau peruntukan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal perlu mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.

- b. Pada tahun 2020, pembayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM1.32 juta berbanding RM6.93 juta pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM5.61 juta (80.9%). Kesemua pembayaran di bawah AP58(a) dibuat antara bulan Januari hingga Julai 2020 melibatkan 405 baucar bayaran daripada 19 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Butiran pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**


BIL.	JABATAN	2020		2019		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	(%)
1.	Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	15	537,896.66	13	885,214.26	(347,317.60)	39.2
2.	Dewan Undangan Negeri	56	316,626.60	143	343,329.86	(26,703.26)	7.8
3.	Jabatan Ketua Menteri	120	174,380.56	438	1,529,701.56	(1,355,321.00)	88.6
4.	Jabatan Pertanian	29	60,645.24	45	102,091.75	(41,446.51)	40.6
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	27	40,138.94	77	170,362.53	(130,223.59)	76.4
6.	Jabatan Kerja Raya	37	36,081.99	56	634,015.90	(597,933.91)	94.3
7.	Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah	5	28,272.84	30	44,737.07	(16,464.23)	36.8
8.	Pejabat Mufti Negeri Melaka	4	27,885.15	6	45,275.33	(17,390.18)	38.4
9.	Jabatan Pendakwaan Syariah Melaka	13	24,614.76	0	0	24,614.76	100.0
10.	Pejabat Tanah dan Galian	3	20,702.90	60	679,509.78	(658,806.88)	97.0
11.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	54	15,816.63	56	186,968.01	(171,151.38)	91.5
12.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	13	11,098.38	61	33,724.90	(22,626.52)	67.1
13.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah Melaka	7	8,173.59	70	217,566.35	(209,392.76)	96.2
14.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	3	6,662.70	101	177,789.74	(171,127.04)	96.3

BIL.	JABATAN	2020		2019		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	(%)
15.	Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka	4	4,755.10	30	81,982.41	(77,227.31)	94.2
16.	Jabatan Kerja Raya Jasin	3	4,751.16	25	34,647.63	(29,896.47)	86.3
17.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	4	1,373.10	20	45,286.63	(43,913.53)	97.0
18.	Jabatan Agama Islam Melaka	7	636.00	368	1,152,528.70	(1,151,892.70)	99.9
19.	Jabatan Perhutanan Negeri	1	481.31	4	1,419.63	(938.32)	66.1
20.	Mahkamah Syariah Negeri Melaka	0	0.00	112	282,421.93	(282,421.93)	(100.0)
21.	Jabatan Kerja Raya Alor Gajah	0	0.00	28	124,026.05	(124,026.06)	(100.0)
22.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin Melaka	0	0.00	16	141,276.57	(141,276.57)	(100.0)
23.	Jabatan Kerja Raya Mekanikal	0	0.00	4	18,207.30	(18,207.30)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>		<b>405</b>	<b>1,320,993.61</b>	<b>1,763</b>	<b>6,932,083.89</b>	<b>(5,611,090.28)</b>	<b>80.9</b>

Sumber: Data Sistem Perakaunan (SPEKS) Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

- c. Analisis Audit mendapati, antara perbelanjaan tertinggi bagi AP58(a) adalah perbelanjaan pakej penginapan dan makanan untuk program rasmi termasuk kursus/latihan berjumlah RM334,600 (25.3%), perbelanjaan menyewa kenderaan berjumlah RM222,252 (16.8%), perbelanjaan tambang tiket kapal terbang berjumlah RM174,225 (13.2%) dan lain-lain perbelanjaan berjumlah RM0.58 juta (44.7%). Butiran pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2020 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti dalam **Carta 5**.

**CARTA 5**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)**  
**MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2020**



Sumber: Data Sistem Perakaunan (SPEKS) Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

- d. Analisis Audit sehingga bulan Mei 2021 mendapati sebanyak 398 baucar bayaran berjumlah RM413,206 adalah pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2020. Sebanyak tujuh baucar bayaran berjumlah RM7,123 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun perbelanjaan. Bagaimanapun, pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2020, baki Akaun Pinjaman Disatukan adalah berbaki sifar disebabkan tiada pinjaman yang dibuat dan diterima. Selain itu, kesemua pinjaman yang diterima pada tahun sebelumnya telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terbahagi kepada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan wang amanah dan digunakan mengikut terma amanah tersebut. Pada

akhir tahun 2020, baki Akaun Amanah Disatukan seperti yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah berjumlah RM217.56 juta, meningkat sebanyak RM15.61 juta (7.7%) berbanding RM201.95 juta pada tahun 2019.

8.2. Pelaporan bagi baki akhir Akaun Penyelesaian, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Deposit di Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2019 adalah berbeza dengan pelaporan baki awal di penyata kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2020 disebabkan oleh berlaku perubahan kategori akaun berikutnya peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS.

8.3. Sebelum tahun 2020, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Mulai tahun 2020, kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Perubahan akaun ini melibatkan Akaun Penyelesaian di dalam Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada Data Migrasi iSPEKS, Pinjaman Persekutuan-PKNM, Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka dan Jabatan Akauntan Negara berjumlah RM373.36 juta. Selain itu, Cek Terbatal, Cek Tak Laku dan Pembatalan EFT berjumlah RM1.04 juta di dalam Akaun Penyelesaian telah dipindahkan ke Akaun Deposit sebagai Deposit Pelarasan.

8.4. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH**  
**DISATUKAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	79.18	89.43	(10.25)	(11.5)
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(551.42)	(529.83)	(21.59)	(4.1)
	• Akaun Penyelesaian	419.97	373.36	46.61	12.5
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	210.63	245.90	(35.27)	(14.3)
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	99.28	83.01	16.27	19.6
3.	Akaun Deposit	39.10	29.51	9.59	32.5
<b>JUMLAH</b>		<b>217.56</b>	<b>201.95</b>	<b>15.61</b>	<b>7.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: Mulai tahun 2020, Akaun Penyelesaian dikeluarkan daripada Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Amaun perbandingan bagi tahun 2019 telah dinyatakan semula melibatkan Akaun Penyelesaian, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Deposit.

## 8.5. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud

tertentu. Sebahagian kumpulan wang amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Sebelum tahun 2020, kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Mulai tahun 2020, Akaun Penyelesaian yang sebelum ini di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah diletakkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.5.2. Sehubungan dengan itu, kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM79.18 juta menurun sebanyak RM10.25 juta (11.5%) berbanding RM89.43 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan defisit semasa Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM21.59 juta (4.1%).

## **8.6. Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup serta pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut.

### **8.6.1. Prestasi Kewangan**

- a. Pada akhir tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa berjumlah RM21.59 juta berbanding lebih semasa pada tahun 2019 berjumlah RM1.49 juta. Defisit semasa yang diperoleh adalah disebabkan oleh jumlah terimaan pada tahun 2020 berjumlah RM45.59 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM67.18 juta. Perbelanjaan pembangunan menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.09 juta, iaitu daripada RM63.09 juta pada tahun 2019 kepada RM67.18 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	(529.83)	(531.32)	1.49	0.3
Terimaan	45.59	64.58	(18.99)	(29.4)
Perbelanjaan	67.18	63.09	4.09	6.5
Lebihan/(Defisit)	(21.59)	1.49	(23.08)	>(1,000)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(551.42)</b>	<b>(529.83)</b>	<b>(21.59)</b>	<b>(4.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

- b. Pada tahun 2020, sejumlah RM70 juta telah diperuntukkan kepada 11 jabatan untuk projek pembangunan Negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM67.18 juta (96.0%) telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan 10 jabatan telah membelanjakan antara 91.9% hingga 100.0% daripada peruntukan tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**PENCAPAIAN PRESTASI**  
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	0.00*	0.00	0.0
2.	Jabatan Kerja Raya	9.10	8.36	91.9
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	16.76	16.34	97.5
4.	Jabatan Agama Islam Melaka	14.71	13.57	92.3
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	8.30	8.20	98.8
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	5.35	5.14	96.1
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	7.00	6.79	97.0
8.	Pejabat Ketua Menteri Melaka	3.15	3.15	100.0
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	3.45	3.45	100.0
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.90	0.90	100.0
11.	Jabatan Pertanian	1.28	1.28	100.0
<b>JUMLAH</b>		<b>70.00</b>	<b>67.18</b>	<b>96.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

Nota: (\*) - Hanya RM20 dibuat sebagai token projek bagi Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka bagi tahun 2020

### 8.6.2. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Tahun 2020

#### a. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

- i. Bagi menjayakan rancangan pembangunan Negeri Melaka di bawah peruntukan RMKe-11 untuk tempoh lima tahun, sejumlah RM329.39 juta telah diperuntukan mulai tahun 2016 hingga 2020. Sehingga akhir tahun 2020, sejumlah RM301.58 juta (91.6%) telah dibelanjakan bagi tujuan

pembangunan di Negeri Melaka. Butiran lanjut mengenai kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh lima tahun adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**PRESTASI PERBELANJAAN**  
**PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	2020	70.00	67.18	96.0
2.	2019	65.00	63.09	97.1
3.	2018	65.05	52.16	80.2
4.	2017	60.00	56.20	93.7
5.	2016	69.34	62.95	90.8
<b>JUMLAH</b>		<b>329.39</b>	<b>301.58</b>	<b>91.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

- ii. Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM70 juta bagi 390 projek yang telah dirancang adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**PERUNTUKAN DAN BILANGAN PROJEK**  
**PEMBANGUNAN RMKe-11 PADA TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	BIL. PROJEK
1.	Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan	0.00*	0
2.	Jabatan Kerja Raya	9.10	19
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	16.76	73
4.	Jabatan Agama Islam	14.71	16
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	8.30	70
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	5.35	60
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	7.00	50
8.	Pejabat Ketua Menteri Melaka	3.15	1
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	3.45	56
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.90	22
11.	Jabatan Pertanian	1.28	23
<b>JUMLAH</b>		<b>70.00</b>	<b>390</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

Nota: (\*) - Hanya RM20 dibuat sebagai token projek bagi Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Melaka bagi tahun 2020

**b. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa**

- i. Pada tahun 2020, sebanyak 361 projek (92.6%) telah siap dilaksanakan mengikut jadual, 11 projek (2.8%) masih dalam pelaksanaan dan 18 projek (4.6%) ditangguhkan daripada keseluruhan 390 projek yang dirancang.


- ii. Sebanyak 11 projek masih dalam pelaksanaan yang terdiri daripada tiga projek Jabatan Kerja Raya, tujuh projek Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) dan satu projek Jabatan Agama Islam. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27** dan **Carta 6**.

**JADUAL 27**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 PADA TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN	BIL. PROJEK			
		DIRANCANG	SIAP	DALAM PELAKSANAAN	TANGGUH
1.	Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan	0	0	0	0
2.	Jabatan Kerja Raya	19	14	3	2
3.	Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur)	73	64	7	2
4.	Jabatan Agama Islam	16	15	1	0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	70	58	0	12
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	60	60	0	0
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	50	50	0	0
8.	Pejabat Ketua Menteri	1	1	0	0
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	56	56	0	0
10.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	22	20	0	2
11.	Jabatan Pertanian	23	23	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>390</b>	<b>361</b>	<b>11</b>	<b>18</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Melaka

**CARTA 6**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 PADA TAHUN 2020**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri Melaka

## 8.7. Akaun Penyelesaian

Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 153, semua urusan Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin. Bagi akhir tahun 2020, sebanyak dua Akaun Penyelesaian masih belum diselesaikan berjumlah RM419.97 juta adalah seperti dalam **Jadual 28.**

**JADUAL 28**  
**KEDUDUKAN AKAUN PENYELESAIAN BAGI TAHUN 2020 DAN 2019**

BIL.	AKAUN PENYELESAIAN	BAKI PADA 31 DISEMBER	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
1.	Akaun Penyelesaian Data Migrasi iSPEKS	0.00	0.22
2.	Akaun Penyelesaian Pinjaman Persekutuan - PKNM	0.00	3.16
3.	Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	0.00	0.64
4.	Akaun Penyelesaian Cek Tak Laku	0.00	(0.01)
5.	Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	0.00	0.41
6.	Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri Melaka	419.97	369.97
7.	Jabatan Akauntan Negara	0.00*	0.00**
<b>JUMLAH</b>		<b>419.97</b>	<b>374.39***</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) - (RM470)

(\*\*) - RM285

(\*\*\*) - Jumlah sebelum peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS

## 8.8. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.8.1. Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Sebelum tahun 2020, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka, Akaun Kena Bayar dan Akaun Amanah Kerajaan. Mulai tahun 2020, Akaun Penyelesaian telah dikeluarkan daripada Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disebabkan oleh peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS.

8.8.2. Pada akhir tahun 2020, baki kumpulan wang ini menurun sebanyak RM409.67 juta (66.0%) kepada RM210.63 juta berbanding RM620.30 juta pada tahun 2019. Antara sebab penurunan adalah Akaun Penyelesaian telah dikeluarkan daripada Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berikutan peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS dan penurunan baki Akaun Amanah Kerajaan sebanyak RM38 juta (19.1%) kepada RM161.26 juta pada tahun 2020 berbanding RM199.26 juta pada tahun 2019. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 29.**

**JADUAL 29**  
**KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG**  
**AMANAH KERAJAAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	0.00*	374.39	(374.39)	(100.0)
2.	Akaun Pinjaman	38.35	35.61	2.74	7.7
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	11.02	11.02	0.00	0.0
4.	Akaun Kena Bayar	0.00	0.02	(0.02)	(100.0)
5.	Akaun Amanah Kerajaan	161.26	199.26	(38.00)	(19.1)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>210.63</b>	<b>620.30**</b>	<b>(409.67)</b>	<b>(66.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) - Mulai tahun 2020, Akaun Penyelesaian telah dikeluarkan daripada Pelbagai Kumpulan Wang

Amanah Kerajaan berikutan peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS

(\*\*) - Jumlah sebelum peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS

### 8.8.3. Akaun Pinjaman

Akaun Pinjaman terdiri daripada enam kumpulan wang pinjaman, iaitu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Ahli Dewan Undangan Negeri), Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (Ahli Dewan Undangan Negeri dan Awam), Kumpulan Wang Pendahuluan Diri, Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun.

#### a. Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun

Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang ini telah digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri daripada sumber negeri. Pada tahun 2020, pinjaman tambahan telah diberikan kepada Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM) berjumlah RM1.50 juta bagi menampung bayaran emolumen pada bulan Oktober hingga Disember tahun 2020. Pada 31 Disember 2020, baki kumpulan wang ini berjumlah RM34.26 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.42 juta (11.1%) berbanding RM30.84 juta pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN**  
**BADAN BERKANUN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	30.84	8.59	22.25	259.0
Penerimaan	4.92	24.25	(19.33)	(79.7)
Pengeluaran	1.50	2.00	(0.50)	(25.0)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>34.26</b>	<b>30.84</b>	<b>3.42</b>	<b>11.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

## b. Kumpulan Wang Luar Jangka

Menurut Seksyen 11, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Artikel 103 Perlembagaan Persekutuan, Kumpulan Wang Luar Jangka hendaklah digunakan oleh Menteri yang bertanggungjawab untuk membuat pendahuluan bagi keperluan perbelanjaan segera dan luar jangka serta apabila tiada apa-apa peruntukan lain bagi perbelanjaan tersebut. Pada akhir tahun 2020, kumpulan wang ini kekal berbaki RM11.02 juta seperti pada akhir tahun 2019 tanpa sebarang transaksi.

## c. Akaun Amanah Kerajaan

### i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan ditubuhkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyenggaraan jalan raya negeri.
- Baki kumpulan wang ini menurun sebanyak RM0.75 juta (3.2%) kepada RM22.99 juta pada tahun 2020 berbanding RM23.74 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, terimaan berjumlah RM183.55 juta dan perbelanjaan berjumlah RM184.30 juta telah diakaunkan ke dalam kumpulan wang ini. Antara terimaan yang direkodkan adalah pemberian oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM100.95 juta dan pelarasan deposit berjumlah RM80.69 juta.
- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Melaka pada tahun 2020 berbanding 2019 dan kedudukan bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31** serta **Jadual 32**.

**JADUAL 31**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH**  
**PENYELENGGARAAN JALAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	23.74	17.39	6.35	36.5
Terimaan	183.55	185.35	(1.80)	(1.0)
Bayaran	184.30	179.00	5.30	3.0
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>22.99</b>	<b>23.74</b>	<b>(0.75)</b>	<b>(3.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

**JADUAL 32**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH**  
**PENYELENGGARAAN JALAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2020	23.74	183.55	184.30	22.99	100.4
2019	17.39	185.35	179.00	23.74	96.6
2018	14.73	196.45	193.79	17.39	98.6
2017	26.38	92.59	104.24	14.73	112.6
2016	31.87	89.96	95.45	26.38	106.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

## ii. Kumpulan Wang Amanah Bencana Negeri Melaka

- Kumpulan Wang Bencana Negeri Melaka ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 pada 29 Mac 2006. Tujuan penubuhan akaun ini adalah bertujuan untuk membolehkan Kerajaan negeri memberi bantuan segera kepada mangsa-mangsa bencana mengikut Garis Panduan Pengurusan/Pengendalian Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka.
- Pada tahun 2020, akaun ini berbaki RM5.91 juta iaitu meningkat sebanyak RM4.58 juta (344.4%) berbanding RM1.33 juta pada tahun 2019. Peningkatan yang ketara adalah disebabkan penerimaan peruntukan bagi menangani Covid-19 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM3.99 juta dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM10 juta.
- Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Kerajaan negeri melalui Kumpulan Wang Bencana Negeri Melaka di bawah Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah serta Pejabat Daerah dan Tanah Jasin. Peruntukan disalurkan adalah bagi tujuan bekalan makanan bermasak untuk petugas dan Person Under Investigation (PUI) di pusat kuarantin, pembelian Personal Protective Equipment (PPE), elauan khas petugas Covid-19 dan sewaan dewan bagi tujuan pengoperasian stesen kuarantin. Kedudukan Kumpulan Wang Bencana Negeri Melaka pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**BENCANA NEGERI MELAKA PADA TAHUN 2020**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1.33	0.97	0.36	37.1
Penerimaan	21.10	2.59	18.51	714.7
Pembayaran	16.52	2.23	14.29	640.8
Lebihan/(Defisit)	4.58	0.36	4.22	1,172.22
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>5.91</b>	<b>1.33</b>	<b>4.58</b>	<b>344.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

#### **8.8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam diwujudkan mengikut Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada mana-mana badan atau orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan. Pengurusan akaun ini tertakluk kepada Arahan Amanah atau Surat Ikatan Amanah. Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4 juga adalah berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada sembilan Akaun Amanah. Berdasarkan penyata kewangan tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sebanyak RM16.27 juta (19.6%) kepada RM99.28 juta berbanding RM83.01 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh Akaun Amanah Am Negeri Melaka mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak RM17.65 juta (72.2%). Kedudukan baki Akaun Amanah Awam pada akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH AWAM PADA AKHIR TAHUN 2020**

BIL.	AKAUN AMANAH AWAM	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Amanah Am Negeri Melaka	42.08	24.43	17.65	72.2
2.	Akaun Amanah Infrastruktur	11.66	10.05	1.61	16.0
3.	Akaun Amanah Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Melaka	30.95	34.89	(3.94)	(11.3)
4.	Akaun Amanah Caj Warisan	13.03	12.28	0.75	6.1
5.	Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	0.45	0.45	0.00	0.0
6.	Akaun Amanah JKKK Negeri Melaka	0.71	0.52	0.19	36.5
7.	Akaun Amanah Kumpulan Briged Seni Negeri Melaka	0.12	0.11	0.01	9.1
8.	Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka	0.27	0.27	0.00	0.0
9.	Akaun Amanah JK Pendukung Askar Wataniah Negeri Melaka	0.01	0.01	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>99.28</b>	<b>83.01</b>	<b>16.27</b>	<b>19.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

### 8.8.5. Akaun Deposit

- a. Deposit merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan apabila selesai maksudnya. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 12 jenis akaun deposit yang diselenggarakan oleh 13 jabatan berjumlah RM39.10 juta, iaitu meningkat sebanyak RM10.63 juta (37.3%) berbanding RM28.47 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki akaun deposit bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	DEPOSIT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	%
1.	Deposit Am	35.72	28.47	7.25	25.5
2.	Deposit Khusus	1.08	0.00	1.08	100.0
3.	Deposit Pelarasan	2.30	0.00	2.30	100.0
<b>JUMLAH</b>		<b>39.10</b>	<b>28.47*</b>	<b>10.63</b>	<b>37.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

Nota: (\*) – Jumlah sebelum peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS

- b. Kedudukan baki akaun deposit bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 7**.

**CARTA 7**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

- c. Pada tahun 2020, akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) berjumlah RM25.48 juta terdiri daripada 506 pendeposit yang melibatkan sebanyak 11 Pusat Tanggungjawab (PTJ). Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**  
**MAKLUMAT DEPOSIT WANG JAMINAN**  
**PELAKSANAAN SEHINGGA TAHUN 2020**

BIL.	PTJ	KOD JABATAN	KOD PTJ	BIL PENDEPOSIT	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Kerja Raya	011000	01000101	373	21,646,382.89
2.	Jabatan Agama Islam	012000	01200101	34	1,609,210.22
3.	Jabatan Ketua Menteri	003000	00300101	12	941,738.91
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	009000	00900101	18	305,121.45
5.	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan	014000	01400101	6	304,868.75
6.	Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah	011000	01000102	34	268,425.92
7.	Jabatan Kerja Raya Jasin	011000	01000104	8	145,559.44
8.	Jabatan Kerja Raya Alor Gajah	011000	01000103	17	108,307.93
9.	Jabatan Ketua Menteri - Perbadanan Ketua Menteri	003000	00300104	1	100,000.00
10.	Jabatan Kerja Raya Workshop	011000	01000105	1	28,973.55
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	008000	00800101	2	23,914.37
<b>JUMLAH</b>				<b>506</b>	<b>25,482,503.73</b>

Sumber: Maklum Balas Jabatan dan Senarai Baki Deposit Perbendaharaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2020

- d. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (tujuan penerimaan deposit telah selesai), hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Sebanyak tiga jabatan tidak mengambil tindakan pewartaan berjumlah RM474,967 bagi Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan mulai tahun 2002 hingga 2018. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**  
**DEPOSIT WANG JAMINAN PELAKSANAAN YANG**  
**TIDAK DIWARTAKAN MULAI TAHUN 2002 HINGGA 2018**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	BELUM SELESAI	
		BILANGAN PENDEPOSIT	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Agama Islam Melaka	12	338,362.53
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Melaka Tengah	18	73,413.85
3.	Jabatan Kerja Raya Alor Gajah	12	63,191.10
<b>JUMLAH</b>		<b>42</b>	<b>474,967.48</b>

Sumber: Daftar Pendeposit Jabatan

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam dan Jaminan Berkanun.

### 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut ialah penyata yang menunjukkan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat Kerajaan negeri bagi melaksanakan sesuatu projek atau program. Sumber dana bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2020, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.26 juta (1.2%) kepada RM420.70 juta berbanding RM425.96 juta bagi tahun 2019. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH**  
**DITUNTUT BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	AGENSI DAN SYARIKAT	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>					
1.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	0.00	0.64	(0.64)	(100.0)
	<b>JUMLAH</b>	<b>0.00</b>	<b>0.64</b>	<b>(0.64)</b>	<b>(100.0)</b>
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
2.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	0.73	0.90	(0.17)	(18.9)
3.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	1.37	1.39	(0.02)	(1.4)
4.	Perbadanan Stadium Melaka	0.00	4.00	(4.00)	(100.0)
5.	Perbadanan Ketua Menteri Melaka	19.70	19.70	0.00	0.0
6.	Majlis Agama Islam Melaka	3.66	4.15	(0.49)	(11.8)
7.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.06	0.07	(0.01)	(14.3)
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	167.29	172.24	(4.95)	(2.9)
9.	Yayasan Melaka	2.54	3.39	(0.85)	(25.1)
	<b>JUMLAH</b>	<b>195.35</b>	<b>205.84</b>	<b>(10.49)</b>	<b>(5.1)</b>
<b>SYARIKAT</b>					
10.	Syarikat Air Melaka Berhad	131.28	133.15	(1.87)	(1.4)
11.	Kolej Teknologi Islam Melaka	49.90	42.02	7.88	18.8
12.	Kumpulan Melaka Berhad	40.59	40.68	(0.09)	(0.2)
13.	Panorama Melaka Sdn. Bhd.	3.58	3.63	(0.05)	(1.4)
	<b>JUMLAH</b>	<b>225.35</b>	<b>219.48</b>	<b>5.87</b>	<b>2.7</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>420.70</b>	<b>425.96</b>	<b>(5.26)</b>	<b>(1.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

### **9.1.2. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut**

- a. Baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM29.05 juta (13.7%) kepada RM241.28 juta pada tahun 2020 berbanding RM212.23 juta pada tahun 2019. Analisis Audit terhadap tunggakan pinjaman bayaran balik bagi agensi dan syarikat sehingga 31 Disember 2020 mendapat jumlah tersebut adalah antara RM0.02 sen hingga RM136.60 juta.
- b. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2020 telah mengambil kira pelarasan bagi pinjaman Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Perbadanan Stadium Melaka (PSM), Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM) berjumlah RM11.08 juta.
- c. Selain itu, jumlah anuiti pada tahun 2020 yang sepatutnya dibayar oleh agensi dan syarikat adalah berjumlah RM43.27 juta. Bagaimanapun, Kerajaan negeri hanya menerima bayaran sejumlah RM3.14 juta, iaitu terkurang sebanyak RM40.13 juta menjadikan tunggakan bayaran balik pinjaman sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM241.28 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**  
**PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI DAN SYARIKAT	TUNGGAKAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2020 (RM Juta)	BAYARAN BALIK TAHUN SEMASA (RM Juta)	TUNGGAKAN TAHUN SEMASA (RM Juta)	JURNAL PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2020 (RM Juta)
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>							
1.	Perbadanan Ketua Menteri	10.33	2.10	0.15	1.95	(5.78)	6.50
2.	Perbadanan Stadium Melaka	2.32	0.28	0.04	0.24	(2.56)	0.00
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	113.70	25.90	0.00	25.90	(3.00)	136.60
4.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	0.00	0.01	0.01	0.00	0.00	0.00*
5.	Yayasan Melaka	0.00	0.75	0.75	0.00	0.00	0.00**
<b>JUMLAH</b>		<b>126.35</b>	<b>29.04</b>	<b>0.95</b>	<b>28.09</b>	<b>(11.34)</b>	<b>143.10</b>
<b>SYARIKAT</b>							
6.	Kumpulan Melaka Berhad	39.21	2.75	0.25	2.50	0.00	41.71
7.	Syarikat Air Melaka Berhad	43.14	6.76	1.87	4.89	0.00	48.03
8.	Kolej Teknologi Islam Melaka	3.53	4.14	0.00	4.14	0.26	7.93

BIL.	AGENSI DAN SYARIKAT	TUNGGAKAN PADA 01.01.2020 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2020 (RM Juta)	BAYARAN BALIK TAHUN SEMASA (RM Juta)	TUNGGAKAN TAHUN SEMASA (RM Juta)	JURNAL PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2020 (RM Juta)
9.	Panorama Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.58	0.07	0.51	0.00	0.51
	<b>JUMLAH</b>	<b>85.88</b>	<b>14.23</b>	<b>2.19</b>	<b>12.04</b>	<b>0.26</b>	<b>98.18</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>212.23</b>	<b>43.27</b>	<b>3.14</b>	<b>40.13</b>	<b>(11.08)</b>	<b>241.28</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020  
 Nota :  
 (\*) - Jumlah tunggakan pada 31 Disember 2020 bagi Perbadanan Teknologi Hijau Melaka adalah berjumlah RM1,030.54.  
 (\*\*) - Jumlah tunggakan pada 31 Disember 2020 bagi Yayasan Melaka adalah berjumlah RM0.02 sen


- d. Baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan peningkatan setiap tahun. Peningkatan ini disebabkan agensi dan syarikat tidak membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40** dan **Carta 8**.

**JADUAL 40**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN**  
**BOLEH DITUNTUT BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	143.10	126.35	101.74	79.18	59.41
2.	Syarikat	98.18	85.88	84.01	73.82	61.64
	<b>JUMLAH</b>	<b>241.28</b>	<b>212.23</b>	<b>185.75</b>	<b>153.00</b>	<b>121.05</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 8**  
**TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH**  
**DITUNTUT BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

**9.1.3. Perbezaan Baki di Lampiran 2(ii) dan Daftar Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Pinjaman Badan Berkanun)**

- a. Lampiran 2(ii) bagi Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Pinjaman Badan Berkanun) adalah terdiri daripada tiga jenis akaun urus niaga pinjaman, iaitu pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan syarikat serta agensi Kerajaan negeri.
- b. Pada 31 Disember 2020, Daftar Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Negeri) dan Lampiran 2(ii) bagi Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Pinjaman Badan Berkanun) telah terlebih nyata di Lampiran 2(ii) berjumlah RM0.16 juta. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh peralihan sistem SPEKS ke iSPEKS. Perbezaan baki tersebut adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**  
**PERBEZAAN BAKI DI LAMPIRAN 2(ii)**  
**DAN DAFTAR PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

BIL.	JENIS/KATEGORI PINJAMAN	JUMLAH BAKI PINJAMAN BADAN BERKANUN SEHINGGA 31.12.2020		PERBEZAAN TERLEBIH/ (TERKURANG) (RM Juta)
		LAMPIRAN 2(ii) BAGI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN (PINJAMAN BADAN BERKANUN ) (RM Juta)	DAFTAR PINJAMAN BOLEH DITUNTUT (RM Juta)	
<b>PERBADANAN BIOTEKNOLOGI MELAKA - SUMBER NEGERI</b>				
1.	Pinjaman kepada Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi membayar balik hutang Yayasan Melaka (Penjadualan Semula)	1.32	1.37	(0.05)
	Pinjaman kepada Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi projek-projek komersial tahun 2007 (Penjadualan Semula)			
<b>YAYASAN MELAKA - SUMBER NEGERI</b>				
3.	Pinjaman bagi menjelaskan Revolving Credit (CR) milik Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	2.75	2.54	0.21
<b>JUMLAH</b>		<b>4.07</b>	<b>3.91</b>	<b>0.16</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Daftar Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2020

**9.1.4. Pinjaman yang Telah Tamat Tempoh Bayaran Balik**

Berdasarkan maklumat Daftar Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Negeri dan Persekutuan) terdapat lima pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik masih mempunyai baki tunggakan pinjaman berjumlah RM79.28 juta. Pinjaman tersebut sepatutnya dilunaskan pada tahun 2015 dan 2020 melibatkan dua agensi iaitu Kumpulan Melaka Berhad (KMB) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 42**.

**JADUAL 42**  
**PINJAMAN YANG TELAH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK**

BIL.	PERIHAL PINJAMAN	TARIKH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2020 (RM Juta)
<b>KUMPULAN MELAKA BERHAD</b>				
1.	Pinjaman bagi membangunkan projek Menara Tinjau di Bandar Hilir, Melaka	04.07.2015	21.00	18.73
2.	Pendahuluan pinjaman bagi menampung tambahan ekuiti KMB dalam Eye On Malaysia Sdn. Bhd.	31.12.2015	3.00	3.23
3.	Pendahuluan pinjaman kepada Melaka International Bowling Centre	01.12.2020	16.06	18.39
<b>JUMLAH</b>			<b>40.06</b>	<b>40.35</b>
<b>PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA</b>				
4.	Projek IKS Taboh Naning	20.12.2020	24.00	0.16
5.	Membayai Projek Pengambilan Balik Tanah	02.06.2020	52.72	38.77
<b>JUMLAH</b>			<b>76.72</b>	<b>38.93</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>116.78</b>	<b>79.28</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka 2020 dan Daftar Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2020

**9.1.5. Penjadualan Semula Baki Pinjaman Tiada Pergerakan Tahun 2018 dan 2019**

Terdapat lima pinjaman oleh Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM) dan dua Pinjaman Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) berjumlah RM23.69 juta masih tiada pergerakan pada baki pinjaman (pokok dan faedah) walaupun penjadualan semula Jadual Bayaran Balik dilaksanakan masing-masing pada tahun 2018 dan 2019. Kedudukan baki pinjaman yang tiada pergerakan walaupun penjadualan semula telah dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 43**.

**JADUAL 43**  
**PENJADUALAN SEMULA BAKI PINJAMAN YANG TIADA PERGERAKAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2019**

BIL.	PERIHAL PINJAMAN	BAKI PINJAMAN (POKOK) (RM Juta)	TEMPOH TIADA PERGERAKAN (Tahun)
<b>KOLEJ TEKNOLOGI ISLAM MELAKA</b>			
1.	Pinjaman bagi membangunkan Kompleks Sukan di Kuala Linggi, Alor Gajah, Melaka	3.64	2
2.	Pinjaman bagi membangunkan Fakulti Kejururawatan di Mukim Kuala Linggi, Alor Gajah, Melaka	6.21	2
3.	Pinjaman bagi <i>endowment fund</i> bagi tujuan naik taraf Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka ke Kolej Universiti	1.80	2
4.	Pinjaman bagi mengubahsuai dan naik taraf bangunan perpustakaan di Kampus Utama KTIM	1.30	2
5.	Pinjaman bagi <i>endowment fund</i> bagi naik taraf Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM) kepada Kolej Universiti	5.00	2

BIL.	PERIHAL PINJAMAN	BAKI PINJAMAN (POKOK) (RM Juta)	TEMPOH TIADA PERGERAKAN (Tahun)
<b>PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA</b>			
6.	Pinjaman kepada Ketua Menteri Melaka (Pemerbadanan)	4.57	1
7.	Pinjaman bagi tujuan cadangan pembangunan lot tanah seluas 5.79 hektar di Pekan Pulau Sebang Seksyen II oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka	1.17	1
<b>JUMLAH</b>		<b>23.69</b>	

Sumber: Daftar Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Negeri) Tahun 2020

## 9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum adalah pelaburan modal yang telah dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Kerajaan negeri terdiri daripada pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga dan pelaburan harta tanah oleh Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka pada tahun 2020 berjumlah RM182.65 juta.

9.2.2. Pelaburan ini meningkat sebanyak RM72.62 juta (66.0%) kepada RM182.65 juta pada tahun 2020 berbanding RM110.03 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan pelaburan dua harta tanah dan empat pindah milik Saham Tidak Tersiar Harga. Pertambahan pelaburan harta tanah tersebut melibatkan serahan aset entiti Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam sebanyak 206 unit SOVO The Riviera Melaka Hotel, Pulau Melaka dan tiga lot kedai di Pulau Melaka. Sebanyak empat serahan dan pindah milik Saham Tidak Tersiar Harga melibatkan Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd., Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd., Melaka Finance House Berhad dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).


9.2.3. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 dan kedudukan bagi tempoh lima tahun, iaitu bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 44** serta **Carta 9**.

**JADUAL 44**  
**KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	JENIS PELABURAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham Tidak Tersiar Harga	28.11	27.08	1.03	3.80
2.	Harta tanah	154.54	82.95	71.59	86.3
<b>JUMLAH</b>		<b>182.65</b>	<b>110.03</b>	<b>72.62</b>	<b>66.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

**CARTA 9**  
**KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

#### **9.2.4. Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga**

Pada tahun 2020, nilai pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga Kerajaan negeri bagi empat anak syarikat adalah berjumlah RM28.11 juta yang mana menunjukkan pertambahan sebanyak RM1.03 juta berbanding RM27.08 juta iaitu sebanyak tujuh anak syarikat pada tahun 2019. Bagi tahun kewangan 2020, satu daripada empat anak syarikat iaitu Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. telah mengisytiharkan dividen keuntungan kepada Kerajaan negeri berjumlah RM120,000. Pelaburan Saham Tidak Tersiar Harga Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 45** dan **Carta 10**.

**JADUAL 45**  
**PELABURAN SAHAM TIDAK TERSIAR**  
**HARGA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	PELABURAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
<b>TABUNG AMANAH MELAKA</b>						
1.	Melaka Invest Berhad	0.00	1.00	1.00	1.00	1.00
2.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
3.	Teknologi Pembuatan Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.10
4.	Akademi Kemahiran Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.10	0.10
5.	Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.50	0.50	0.50	0.50
6.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	26.42	6.00	6.00	6.00	6.00
7.	Melaka Finance House Berhad	0.01	0.00	0.00	0.00	0.00
8.	Syarikat Air Melaka Berhad	1.08	0.00	0.00	0.00	0.00

BIL.	PELABURAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
<b>PERBADANAN KETUA MENTERI</b>						
9.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	0.00	18.68	18.68	20.31	18.68
10.	Pemasaran Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.15	0.15	0.15	0.15
11.	KMA Tourist Digital Mall Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.31
12.	Melaka Golf Resort	0.00	0.00	0.00	0.80	0.80
13.	Kumpulan Melaka Berhad	0.00	0.00	0.00	16.00	16.00
14.	Hartanah Bumiputera Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	2.10	2.10
15.	MITC Bowlplex Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	2.45
16.	Syarikat Air Melaka Berhad	0.00	0.00	0.00	14.00	14.00
17.	DMDI Finance House Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	10.00	10.00
18.	Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.15	0.15	0.45	0.45
19.	Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.10	0.10
20.	Marble Valley Two Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.05	0.05
21.	Melaka World Heritage Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.05	0.05
22.	Panorama Melaka Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.82	0.00
<b>JUMLAH</b>		<b>28.11</b>	<b>27.08</b>	<b>27.08</b>	<b>73.03</b>	<b>73.44</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 10**  
**PELABURAN SAHAM TIDAK TERSIAR**  
**HARGA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

### 9.2.5. Pelaburan Hartanah

- a. Pada tahun 2020, pelaburan harta tanah Kerajaan negeri adalah berjumlah RM154.54 juta yang terdiri daripada tambahan dua harta tanah melibatkan sebanyak 206 unit SOVO The Riviera Melaka Hotel dan tiga lot kedai di Pulau Melaka. Sejumlah RM8.25 juta (5.3%) daripada keseluruhan nilai pelaburan adalah pulangan hasil daripada pelaburan harta tanah yang telah diperolehi pada tahun 2020. Pulangan yang diterima merupakan sewa bangunan dan pajakan tanah yang diakaunkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka. Maklumat terperinci pelaburan harta tanah dan pulangan daripada pelaburan pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

**JADUAL 46**  
**PELABURAN HARTANAH DAN PULANGAN PELABURAN PADA TAHUN 2020**

BIL.	JENIS HARTANAH	NILAI PELABURAN (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Tanah Lot 125, 129 dan 300, Kawasan Bandar XX, Melaka	2.18	0.17	7.8
2.	Tanah Lot 278 dan 279, Kawasan Bandar XX, Melaka	1.73	0.11	6.4
3.	Bangunan Putra Specialist Hospital (Melaka)	39.65	3.12	7.9
4.	Menara PERTAM	17.00	0.09	0.5
5.	2 Lot Bangunan Pejabat Kota Cemerlang	0.88	0.12	13.6
6.	Lot 898, Bangunan UTC	19.11	4.64	24.3
7.	In Kind Projek Pembangunan Tanah PT 822 Kawasan Bandar XLI, Daerah Melaka Tengah, Melaka	4.17	0.00	0.0
8.	206 unit Sovo The Riviera Melaka Hotel	68.89	0.00	0.0
9.	3 Lot kedai di Pulau Melaka	0.93	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>154.54</b>	<b>8.25</b>	<b>5.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

- b. Analisis pulangan ke atas pelaburan harta tanah bagi tempoh lima tahun menunjukkan pulangan tertinggi adalah diperoleh pada tahun 2018, iaitu dengan kadar pulangan 8.3% dan terendah adalah direkodkan bagi tahun 2020, iaitu 5.3% adalah seperti dalam **Jadual 47**.

**JADUAL 47**  
**PELABURAN HARTANAH BERBANDING PULANGAN YANG DITERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

TAHUN	NILAI PELABURAN (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN	
		(RM Juta)	(%)
2020	154.54	8.25	5.3
2019	82.95	4.57	5.5
2018	61.45	5.08	8.3
2017	61.45	3.52	5.7
2016	69.92	4.00	5.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

### 9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri tidak mengambil pinjaman baharu bagi membiayai projek pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2014 hingga 2020. Pada akhir tahun 2020, baki Hutang Awam menurun sebanyak RM178.60 juta (21.7%) kepada RM643.03 juta berbanding RM821.63 juta pada tahun 2019.

9.3.2. Punca penurunan Hutang Awam adalah disebabkan Kerajaan Negeri Melaka telah membuat bayaran balik Hutang Awam berjumlah RM6.03 juta. Kerajaan negeri juga telah mendapat kelulusan hapus kira sejumlah RM10.80 juta dan penukaran pinjaman kepada geran berjumlah RM162.72 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Kedudukan Hutang Awam bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 48**.

**JADUAL 48**  
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Projek Bekalan Air	131.28	133.15	(1.87)	(1.4)
Projek Perumahan Awam Kos Rendah	90.16	90.16	0.00	0.0
Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	200.42	203.33	(2.91)	(1.4)
Pelbagai Projek	221.17	394.99	(173.82)	(44.0)
<b>JUMLAH</b>	<b>643.03</b>	<b>821.63</b>	<b>(178.60)</b>	<b>(21.7)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

### 9.3.3. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

Analisis tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan tunggakan hutang awam sejak tahun 2016 hingga tahun 2019. Pada tahun 2020, tunggakan hutang awam menurun sebanyak RM60.48 juta (10.7%) kepada RM503.08 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM563.56 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 49**.

**JADUAL 49**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**  
**HUTANG AWAM BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air	48.03	43.14	41.92	34.67	27.41
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	82.16	75.42	70.65	64.64	58.71
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	177.32	155.28	134.17	111.44	91.61

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
4.	Pelbagai Projek	195.57	289.72	269.93	249.23	227.30
	<b>JUMLAH</b>	<b>503.08</b>	<b>563.56</b>	<b>516.67</b>	<b>459.98</b>	<b>405.03</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2016 hingga 2020

### 9.3.4. Hutang Awam yang Telah Tamat Tempoh Bayaran Balik

Pada tahun 2020, jumlah tunggakan bayaran balik adalah berjumlah RM503.08 juta. Berdasarkan maklumat Daftar Hutang Awam, terdapat 13 pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik masih mempunyai baki tunggakan pinjaman berjumlah RM132.43 juta. Pinjaman bagi dua projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka adalah pinjaman yang telah tamat tempoh paling lama iaitu sejak tahun 2007 berjumlah RM6.88 juta. Kedudukan tunggakan Hutang Awam yang telah tamat tempoh bayaran balik sehingga akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

**JADUAL 50**  
**TUNGGAKAN HUTANG AWAM YANG TELAH TAMAT**  
**TEMPOH BAYARAN BALIK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2020**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TARIKH TAMAT TEMPOH BAYARAN BALIK	TUNGGAKAN ANSURAN PADA 31.12.2020 (RM Juta)
<b>PROJEK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA</b>			
1.	Penjadualan Semula Pinjaman: Bayaran Balik Tunggakan Pinjaman	30.11.2007	3.92
2.	Projek IKS Serkam Fasa I	13.12.2007	2.96
3.	Projek Medan Selera Melaka Sentral	26.12.2014	1.24
4.	Projek IKS Air Panas Fasa II	28.12.2015	0.47
5.	Projek IKS Pulau Sebang Fasa II	28.12.2015	0.28
6.	Projek Kawasan Perindustrian Serkam Fasa II	28.12.2017	3.23
7.	Penjadualan Semula Pinjaman: Bayaran Balik Baki Pinjaman	30.11.2017	6.31
<b>PELBAGAI PROJEK</b>			
8.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka (Tambahan II)	08.09.2015	12.38
9.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka	25.09.2016	66.58
10.	Kompleks Sukan Negeri Melaka, Stadium Hang Jebat Melaka (Tambahan)	17.07.2016	9.86
11.	Pengambilan Balik Tanah Untuk Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka	22.12.2016	10.80
12.	Projek Menaik Taraf Kompleks Medan Portugis, Ujong Pasir, Melaka	15.12.2017	11.75
13.	Projek Residensi TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	23.12.2018	2.65
<b>JUMLAH</b>			<b>132.43</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020

### **9.3.5. Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)**

- a. Kerajaan negeri ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi pihak PKNM untuk Pelbagai Projek. Apabila permohonan pinjaman diluluskan, Kementerian Kewangan akan menyalurkan pinjaman tersebut kepada Kerajaan negeri sebelum disalurkan kepada PKNM. PKNM akan membuat bayaran balik pinjaman tersebut melalui Kerajaan negeri.
- b. Pada tahun 2020, Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut (Sumber Persekutuan) mencatatkan baki pinjaman (pokok) PKNM kepada Kerajaan negeri berjumlah RM167.29 juta. Baki pinjaman (pokok) Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi Pinjaman Projek PKNM pula berjumlah RM200.45 juta. Perbezaan ini menunjukkan sejumlah RM33.16 juta bayaran balik pinjaman (pokok) yang dibuat oleh PKNM masih lagi dipegang oleh Kerajaan negeri sehingga 31 Disember 2020.

## **10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

### **10.1. Akaun Belum Terima**

10.1.1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, WP10.6 Pengurusan Akaun Belum Terima menyatakan Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan pinjaman, tunggakan hasil, hutang-hutang lain dan tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut. Pada tahun 2020, Akaun Belum Terima Kerajaan negeri adalah berjumlah RM143.46 juta, iaitu meningkat sebanyak RM77.42 juta (117.2%) berbanding RM66.04 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, dua butiran mencatatkan peningkatan yang ketara iaitu tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut sebanyak RM34.18 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka berjumlah RM31.48 juta. Kedudukan Akaun Belum Terima bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

**JADUAL 51**  
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pinjaman Pendidikan TAPEM	31.48	0.00	31.48	100.0
2.	Pelbagai Akaun Belum Terima:				
	i. Tuggakan Hasil	66.35	54.04	12.31	22.8
	ii. Tuggakan Hutang-hutang Lain	11.45	12.00	(0.55)	(4.6)
	iii. Tuggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	34.18	0.00	34.18	100.0
<b>JUMLAH</b>		<b>143.46</b>	<b>66.04</b>	<b>77.42</b>	<b>117.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

10.1.2. Pada tahun 2020, Akaun Belum Terima bagi hasil Cukai Tanah dan Denda Lewat Hasil Tanah berjumlah RM53.80 juta iaitu meningkat sebanyak RM10.24 juta (23.5%) berbanding RM43.56 juta pada tahun 2019. Tuggakan Cukai Tanah dan Denda Lewat Hasil Tanah mengikut Pejabat Daerah dan Tanah bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

**JADUAL 52**  
**TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN DENDA LEWAT HASIL TANAH BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Melaka Tengah	39.74	35.24	4.5	12.8
2.	Alor Gajah	7.86	6.22	1.64	26.4
3.	Jasin	6.20	2.10	4.10	195.2
<b>JUMLAH</b>		<b>53.80</b>	<b>43.56</b>	<b>10.24</b>	<b>23.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2020 dan 2019

10.1.3. Tempoh tunggakan Akaun Belum Terima melebihi 10 tahun bagi lima jabatan adalah berjumlah RM2.50 juta. Butiran maklumat analisis pengumuran Akaun Belum Terima mengikut jenis hasil dan jabatan sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

**JADUAL 53**  
**ANALISIS PENGUMURAN AKAUN BELUM TERIMA SEHINGGA 31 DISEMBES 2020**

BIL.	JENIS AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	USIA ABT/TAHUN		
		3 - 6 TAHUN	6 - 10 TAHUN	MELEBIHI 10 TAHUN
		(RM)	(RM)	(RM)
<b>JABATAN KETUA MENTERI MELAKA</b>				
1.	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan (TAPEM)	13,454,275.79	5,838,715.56	1,483,136.63
<b>JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA</b>				
1.	Sewa Pelbagai Tanah	10,557.00	32,219.04	63,755.04
2.	Sewa Asrama	0.00	417,825.00	137,872.30

BIL.	JENIS AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	USIA ABT/TAHUN		
		3 - 6 TAHUN (RM)	6 -10 TAHUN (RM)	MELEBIHI 10 TAHUN (RM)
3.	Sewa Kemudahan	0.00	98,090.00	73,620.00
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH</b>				
1.	Cukai Tanah Tuggakan	5,589,735.90	77,285.26	613,103.81
2.	Denda Lewat Hasil Tanah	8,410,903.59	69,814.80	94,434.30
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH</b>				
1.	Cukai Tanah Tuggakan	833,155.20	1,018,676.00	35,445.49
2.	Denda Lewat Hasil Tanah	845,650.28	1,096,728.63	351.10
<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN</b>				
1.	Cukai Tanah Tuggakan	414,791.85	1,291.90	1,157.15
2.	Denda Lewat Hasil Tanah	336,367.16	230.00	585.90
<b>JUMLAH</b>		<b>29,895,436.77</b>	<b>8,650,876.19</b>	<b>2,503,461.72</b>

Sumber: Penyata Tuggakan Akaun Belum Terima bagi tahun berakhir 31.12.2020

## 11. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2020 adalah kukuh seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM160.40 juta meningkat sebanyak RM31.75 juta (24.7%) berbanding RM128.65 juta pada tahun 2019;

11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM16.14 juta (22.0%) menjadikan defisit terkumpul menurun kepada RM57.16 juta berbanding RM73.30 juta bagi tahun 2019;

11.3. hasil yang diperoleh pada tahun 2020 berjumlah RM392.88 juta menurun sebanyak RM26.23 juta (6.3%) berbanding RM419.11 juta pada tahun 2019;

11.4. perbelanjaan mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM21 juta) menurun sebanyak RM5.07 juta (1.4%) kepada RM355.73 juta berbanding RM360.80 juta pada tahun 2019;

11.5. Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM15.61 juta (7.7%) kepada RM217.56 juta pada tahun 2020 berbanding RM201.95 juta pada tahun 2019;

11.6. Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan defisit semasa berjumlah RM21.59 juta berbanding lebihan semasa pada tahun 2019 berjumlah RM1.49 juta;

- 11.7. Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.26 juta (1.2%) kepada RM420.70 juta pada tahun 2020 berbanding RM425.96 juta pada tahun 2019;
- 11.8. pelaburan Kerajaan negeri berjumlah RM182.65 juta pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM72.62 juta (66.0%) berbanding RM110.03 juta pada tahun 2019;
- 11.9. baki Hutang Awam pada akhir tahun 2020 berjumlah RM643.03 juta, iaitu menurun sebanyak RM178.60 juta (21.7%) berbanding RM821.63 juta pada tahun 2019;
- 11.10. tunggakan terkumpul bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2020 menurun kepada RM503.08 juta (10.7%) berbanding RM563.56 juta pada tahun 2019; dan
- 11.11. Akaun Belum Terima pada akhir tahun 2020 berjumlah RM143.46 juta, iaitu meningkat sebanyak RM77.42 juta (117.2%) berbanding RM66.04 juta pada tahun 2019.

## **12. SYOR AUDIT**

Kerajaan negeri perlu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan negeri perlu mengawal perbelanjaan secara lebih berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri Melaka. Tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk:

- 12.1. mempertingkatkan lagi Pindahan Daripada Akaun Hasil Disatukan bagi mengurangkan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan selaras dengan bajet tahunan yang telah diluluskan;
- 12.2. memastikan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut dibuat oleh agensi/syarikat Kerajaan negeri mengikut jadual yang ditetapkan;
- 12.3. memastikan bayaran balik Hutang Awam dibayar kepada Kementerian Kewangan Malaysia mengikut jadual anuiti yang ditetapkan;
- 12.4. memantau *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi syarikat Kerajaan negeri untuk memastikan pelaburan Kerajaan negeri memberi pulangan yang sewajarnya; dan
- 12.5. memastikan tindakan yang lebih proaktif dilaksanakan bagi mengurangkan Akaun Belum Terima.





## **BAHAGIAN III**

# **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**



### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **Perkara Utama**

###### **Apa yang diaudit?**

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

###### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggaan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpanduan akta dan piawaian yang diluluskan.

###### **Apa yang ditemui Audit?**

- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 10 BBN dan empat PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Manakala, satu BBN belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Sebanyak sembilan daripada 16 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka. Penyerahan laporan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan tarikh atau tempoh yang ditetapkan oleh Enakmen Badan Berkanun masing-masing dan Akta 171 bagi PBT.
- Enam agensi lain iaitu Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Jasin telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan.
- Bagi penyata kewangan tahun 2020, dua penyata kewangan BBN telah disahkan setakat 31 Ogos 2021. Penyata kewangan yang telah disahkan adalah Perbadanan Muzium Melaka dan Perbadanan Bioteknologi Melaka iaitu masing-masing dengan

Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Tanpa Teguran (EOM). Selain itu, 13 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan, manakala satu BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit.

- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam laporan kali ini memandangkan analisis bagi dua agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

#### **FAKTA UTAMA**

#### **PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020**

#### **Bilangan Agensi Negeri**

- 11** Badan Berkanun Negeri
- 4** Pihak Berkuasa Tempatan
- 1** Majlis Agama Islam

#### **16 Akaun Agensi**

- 1** Pendapat Tanpa Teguran
- 1** Pendapat Tanpa Teguran (EOM)
- 14** Belum Disahkan

## **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## **2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 16 penyata kewangan agensi bagi tahun 2020 untuk 11 BBN, empat PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu BBN dan satu MAI manakala baki 14 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2020 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards Of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti

serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

### **3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

3.1. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 10 daripada 11 BBN dan empat PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Sebanyak sembilan daripada 16 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka. Penyerahan laporan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan tarikh atau tempoh yang ditetapkan oleh Enakmen Badan Berkanun masing-masing dan Akta 171 bagi PBT. Bagi Enakmen yang tidak menetapkan atau menyatakan secara jelas berhubung perkara ini, tarikh akhir penghantaran penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah pada 30 April 2021.

3.2. Sebanyak enam agensi, iaitu Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Jasin telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Selain itu, satu agensi iaitu Majlis Sukan Negeri Melaka masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	28.04.2021
2.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	29.04.2021
3.	Lembaga Perumahan Melaka	29.04.2021
4.	Perbadanan Muzium Melaka	29.04.2021
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	30.04.2021
6.	Yayasan Melaka	30.04.2021
7.	Perbadanan Stadium Melaka	19.05.2021
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	25.05.2021
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	25.05.2021
10.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	02.08.2021
11.	Majlis Sukan Negeri Melaka	Belum terima

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	30.04.2021
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	30.04.2021
3.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	11.05.2021
4.	Majlis Perbandaran Jasin	27.05.2021
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Melaka	30.04.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *audit able*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan) serta perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *audit able* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**  
**OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	10
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	0
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

#### 5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

#### 5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matters (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

#### 5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab

terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

## **5.2. Pendapat Diubahsuai**

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) seperti berikut:

### **5.2.1. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

### **5.2.2. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### **5.2.3. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripadakekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Sehingga 31 Ogos 2021, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan dua daripada 15 penyata kewangan tahun 2020 yang telah diterima untuk diaudit, iaitu Perbadanan Muzium Melaka dan Perbadanan Bioteknologi Melaka. Penyata kewangan tersebut masing-masing telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM). Manakala baki 13 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 sedang diaudit. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2016	2017	2018	2019	2020
1.	Pendapat Tanpa Teguran	3	4	3	3	1
2.	Pendapat Tanpa Teguran (EOM)	6	5	3	1	1
3.	Pendapat Berteguran	7	7	10	11	0
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	1	0
<b>JUMLAH</b>		<b>16</b>	<b>16</b>	<b>16</b>	<b>16</b>	<b>2</b>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2016 hingga 2020

5.4. Butiran lanjut mengenai Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) yang diberikan kepada Perbadanan Bioteknologi Melaka adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA YANG DIBERIKAN**  
**PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM) BAGI TAHUN KEWANGAN 2020**

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)</b>		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	Aset dan liabiliti syarikat subsidiari iaitu Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. berjumlah RM0.68 juta telah dipindah masuk ke akaun Perbadanan Bioteknologi Melaka setelah mesyuarat Lembaga Pengarah memutuskan penutupan operasi syarikat tersebut pada tahun 2019. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 2021 telah memutuskan penangguhan penutupan syarikat, dan aset serta liabiliti berjumlah RM0.64 juta telah dikeluarkan dari akaun Perbadanan Bioteknologi Melaka. Pelarasian akan dibuat dalam penyata kewangan Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

5.5. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 16 agensi bagi tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**  
**AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	Pengauditan telah selesai dijalankan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja sedang dilaksanakan.
2.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) telah dikeluarkan.
3.	Lembaga Perumahan Melaka	Pengauditan telah selesai dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja telah dilaksanakan.
4.	Perbadanan Muzium Melaka	Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran telah dikeluarkan.
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	Pengauditan telah selesai dijalankan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja sedang dilaksanakan.
6.	Yayasan Melaka	Pengauditan sedang dijalankan oleh Firma Audit Swasta.
7.	Perbadanan Stadium Melaka	Pengauditan muktamad sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka.
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	
10.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	
11.	Majlis Sukan Negeri Melaka	Penyata kewangan belum diterima.
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Pengauditan telah selesai dijalankan oleh Firma Audit Swasta dan semakan kertas kerja sedang dilaksanakan.
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	
3.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	
4.	Majlis Perbandaran Jasin	Pengauditan sedang dijalankan oleh Firma Audit Swasta.
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Melaka	Pengauditan muktamad sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka.

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019

5.6.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 5 November 2020 hanya melaporkan satu penyata kewangan BBN dan tidak melaporkan 15 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Hal ini kerana laporan tersebut hanya melaporkan Penyata Kewangan yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara sehingga 31 Ogos 2020.

5.6.2. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 16 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 ialah tiga diberikan Pendapat Tanpa Teguran, satu diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM), 11 diberikan Pendapat

Berteguran dan satu Penafian Pendapat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN</b>		
1.	Lembaga Perumahan Melaka	25.08.2020
2.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	11.11.2020
3.	Majlis Agama Islam Melaka	19.11.2020
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)</b>		
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	27.10.2020
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>		
1.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	10.09.2020
2.	Majlis Perbandaran Jasin	05.10.2020
3.	Perbadanan Muzium Melaka	12.10.2020
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	12.10.2020
5.	Majlis Sukan Negeri Melaka	16.10.2020
6.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	19.10.2020
7.	Yayasan Melaka	23.10.2020
8.	Perbadanan Stadium Melaka	27.10.2020
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	27.10.2020
10.	Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka	06.11.2020
11.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	01.12.2020
<b>PENAFIAN PENDAPAT</b>		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	21.01.2021

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

5.6.3. Butiran lanjut mengenai asas pendapat Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA  
TEGURAN (EOM) DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)</b>		
1.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah RM30.95 juta dalam baki Bayaran Kemajuan pada 31 Disember 2019 merupakan bayaran kemajuan bagi projek pembangunan pejabat baru Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah digantung kerja-kerja pembinaan dalam tahun kewangan 2018. Pada 7 April 2020, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk meneruskan semula projek tersebut. Bagaimanapun, sehingga Sijil Juruaudit ditandatangani, kertas pertimbangan tersebut masih belum disediakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti kemungkinan kesan kewangan dan perundangan serta pelarasian yang perlu terhadap penyata kewangan sekiranya projek tersebut diteruskan.</li> </ul>
<b>PENDAPAT BERTEGURAN</b>		
1.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbelanjaan ganjaran kontrak dan cuti rehat kakitangan serta penggunaan mesin fotostat berjumlah RM33,054.45 tidak direkodkan dalam tempoh perakaunan semasa. Perbelanjaan tersebut tidak diakrukan.</li> </ul>
2.	Majlis Perbandaran Jasin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lebihan rizab penilaian semula harta berjumlah RM3.25 juta bagi tanah lot PT6370, PT6371 dan PT6372 terletak di Mukim Merlimau, Daerah Jasin yang telah dijual kepada Syarikat telah dikreditkan ke akaun Rizab Penilaian Semula Harta bukannya dipindahkan ke Kumpulan Wang Majlis selaras dengan piawaian MPSAS 17 perenggan 57.</li> <li>Peruntukan hutang ragu bagi urus niaga bukan pertukaran Akaun Belum Terima Cukai Taksiran berjumlah RM1.4 juta tidak dilaraskan semula menyebabkan hutang ragu terlebih peruntukan dan aset semasa terkurang nyata sehingga 31 Disember 2019.</li> </ul>
3.	Perbadanan Muzium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada polisi berkenaan penilaian dan susut nilai tanah menyebabkan tanah lot 893 di Pernu yang bernilai RM1.83 juta tidak dinyatakan pada harga penilaian semasa dan tiada susut nilai diperuntukkan kepada tanah tersebut. Ini tidak selari dengan MPERS 17.</li> <li>Baki faedah sewa beli berjumlah RM15,439.92 tidak direkodkan di dalam penyata kewangan tahun semasa menyebabkan liabiliti dalam penyata kewangan terkurang nyata dengan jumlah yang sama.</li> </ul>
4.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada polisi perakaunan bagi pelaburan harta tanah berjumlah RM2.25 juta dalam penyata kewangan tahun semasa.</li> <li>Nilai saksama berjumlah RM2.32 juta yang diperoleh daripada penilaian semula pelaburan harta tanah tidak direkodkan dalam penyata kewangan tahun semasa dan perkara ini tidak selaras dengan MPERS 16.7.</li> <li>Tiada bukti pemilikan Tanah Lesung Batu berkeluasan 21.92 ekar berjumlah RM1.71 juta dalam penyata kewangan.</li> </ul>

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT
5.	Majlis Sukan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Asas akruan tidak digunakan dalam penyediaan penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Perkara ini adalah tidak selaras dengan MPERS 2.36.</li> <li>Terimaan Geran Bantuan Peruntukan Kewangan bagi Program Latihan Atlet berjumlah RM376,569.98 direkodkan sebagai hasil walaupun kriteria pengiktirafan hasil belum dipenuhi. Ini menyebabkan hasil terlebih nyata dan liabiliti terkurang nyata berjumlah RM20,288.05.</li> <li>Pembelian peralatan <i>gym</i> daripada Institut Sukan Negara pada 26 Disember 2019 berjumlah RM18,000 direkodkan sebagai belanja dan bukannya sebagai aset menyebabkan perbelanjaan terlebih nyata dan aset terkurang nyata.</li> </ul>
6.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nilai harta tanah, loji dan peralatan berjumlah RM25.3 juta daripada jumlah buku bersih RM131.93 juta tidak dapat disahkan kerana senarai harta tetap tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.</li> <li>Tiada peruntukan hutang rugu bagi urus niaga bukan pertukaran belum terima berjumlah RM2 juta yang tidak bergerak selama lima tahun dan ke atas.</li> <li>Terdapat perbezaan cukai taksiran harta berjumlah RM2.22 juta di antara Jabatan Kewangan dengan Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta. Jumlah tersebut tidak dapat disahkan kerana rekod tidak dikemas kini dan maklumat dalam sistem tidak selaras.</li> <li>Liabiliti luar jangka bagi kes sivil yang melibatkan hasil tidak didedahkan. Hal ini perlu dinyatakan di dalam penyata kewangan kerana akan memberi kesan yang material kepada penyata prestasi kewangan.</li> </ul>
7.	Yayasan Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kos pembinaan bangunan di atas tanah Lot 196 – 201, 335 dan 336 Kawasan Bandar VII berjumlah RM23.81 juta dalam Aset Semasa: Kerja Dalam Pelaksanaan telah dirosot nilai sepenuhnya. Bagaimanapun, tanah tersebut tidak diklasifikasi semula daripada Aset Semasa: Kerja Dalam Pelaksanaan kepada Aset Bukan Semasa: Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM15.17 juta. Ini menyebabkan Aset Semasa telah terlebih nyata dan Aset Bukan Semasa terkurang nyata berjumlah RM15.17 juta.</li> <li>Tanah Lot 483 PT 2227, Mukim Rembia telah menjadi tanah pajakan 99 tahun milik Yayasan Melaka bermula 27 November 2019. Bagaimanapun, deposit pembelian tanah tersebut tidak diklasifikasi semula daripada Aset Semasa: Pelbagai Deposit Bangunan/Tanah kepada Aset Bukan Semasa: Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM6.16 juta. Ini menyebabkan Aset Semasa telah terlebih nyata dan Aset Bukan Semasa terkurang nyata.</li> <li>Peruntukan rosot nilai saham berjumlah RM395,160 telah terkurang catat menyebabkan perbelanjaan terkurang nyata dan Pelaburan Dalam Anak Syarikat terlebih nyata.</li> <li>Tiada peruntukan hutang rugu bagi penghutang YM Mediscience Sdn. Bhd. berjumlah RM2.88 juta yang tidak bergerak lebih daripada 12 bulan menyebabkan baki penghutang terlebih nyata.</li> </ul>
8.	Perbadanan Stadium Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan hutang rugu telah terlebih rekod berjumlah RM23,280 menyebabkan perbelanjaan tahun semasa terlebih nyata dan aset semasa terkurang nyata.</li> <li>Faedah sewa beli terakru berjumlah RM14,276 telah tersilap rekod ke dalam Akaun Pinjaman Sewa Beli menyebabkan baki Akaun Pinjaman Sewa Beli terlebih nyata.</li> </ul>

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anggaran pelan caruman ditentukan gantian cuti rehat (GCR) telah direkodkan berdasarkan '<i>future value</i>' pada tahun semasa berjumlah RM1.75 juta sebagai peruntukan manfaat kakitangan. Perekodan ini tidak mematuhi piawaian MPSAS 25 yang memerlukan pelan caruman ditentukan dan direkodkan berdasarkan '<i>discounted present value</i>'. Ini menyebabkan peruntukan manfaat kakitangan pada tahun kewangan semasa telah terlebih nyata berjumlah RM1.66 juta.</li> <li>Perbelanjaan tahun mendatang bagi belanja penyenggaraan dan pembaikan kecil berjumlah RM86,591 serta belanja perkhidmatan ikhtisas, perkhidmatan lain dan hospitaliti berjumlah RM37,900 telah direkodkan pada tahun kewangan semasa. Ini menyebabkan perbelanjaan pada tahun kewangan semasa terlebih nyata sejumlah RM124,491.</li> <li>Perbelanjaan penyenggaraan dan perkhidmatan ikhtisas berjumlah RM347,258 tidak dibuat pelarasan pada tahun sebelum menyebabkan perbelanjaan penyelenggaraan dan perkhidmatan ikhtisas pada tahun kewangan 2018 dan Kumpulan Wang Terkumpul terlebih nyata.</li> </ul>
10.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah RM1.6 juta lain-lain pembiayaan merupakan jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari, Sungai Melaka Ventures Sdn. Bhd. (SMVSB). Bagaimanapun, semakan terhadap penyata kewangan beraudit subsidiari menunjukkan jumlah terhutang daripada Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM) berjumlah RM2.27 juta. Terdapat perbezaan rekod yang material sebanyak RM0.67 juta yang tidak diselaraskan oleh pihak PPSPM dan SMVSB. Ini menyebabkan liabiliti terkurang nyata dalam penyata kewangan.</li> <li>Perbelanjaan tahun semasa berjumlah RM151,747 tidak direkodkan dalam penyata kewangan. Ini menyebabkan keuntungan terlebih catat manakala liabiliti terkurang catat.</li> </ul>
11.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan hutang rugu tahun semasa telah terlebih peruntukan berjumlah RM1.23 juta dan ianya tidak selaras dengan dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan.</li> <li>Baki tempahan lot banglo Mukim Durian Tunggal berjumlah RM0.64 juta tidak dapat disahkan kerana ketiadaan maklumat dan dokumen yang lengkap.</li> <li>Jualan tanah industri berjumlah RM6.23 juta telah diiktiraf sebagai hasil sedangkan syarat perjanjian jual beli masih belum dipenuhi. Ini menyebabkan hasil terlebih nyata.</li> <li>Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah merekodkan kos hasil terlebih nyata berjumlah RM11.15 juta bagi Fasa I dan II di Kawasan Industri Elkay Mukim Lipat Kajang.</li> </ul>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

5.6.4. Butiran lanjut mengenai asas pendapat Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019 yang diberikan Penafian Pendapat adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA YANG DIBERIKAN**  
**PENAFIAN PENDAPAT BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT
<b>PENAFIAN PENDAPAT</b>		
1.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyata kewangan Perbadanan Bioteknologi Melaka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 tidak disatukan dengan akaun subsidiari.</li> <li>Pelupusan aset dan liabiliti adalah tidak efektif dari segi perundungan. Pemindahan aset dan liabiliti syarikat subsidiari iaitu Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. dan Melaka Cell Farming Sdn. Bhd. tidak dilakukan dengan persetujuan pihak yang terbabit iaitu penghutang, pemutang dan badan kerajaan. Tiada persetujuan bertulis diperoleh daripada pihak yang terlibat bagi memindahkan hak masing-masing daripada syarikat subsidiari iaitu Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. dan Melaka Cell Farming Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Bioteknologi Melaka. Oleh itu, hak menuntut hutang, hak pemutang untuk menuntut hutang dan hak menuntut bayaran oleh badan kerajaan masih kekal pada syarikat subsidiari dan tidak terpindah kepada Perbadanan Bioteknologi Melaka.</li> <li>Penggulungan syarikat subsidiari dan bersekutu tidak mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016. Berdasarkan seksyen 550 Akta Syarikat 2016, permohonan bagi pembatalan nama syarikat oleh pengarah atau anggota perlu memenuhi syarat-syarat tertentu. Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak dikemukakan untuk pengauditan.</li> <li>Penyata kewangan syarikat subsidiari, iaitu Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. dan syarikat bersekutu, iaitu Melaka Cell Farming Sdn. Bhd. tidak diaudit. Sehubungan itu, ketepatan amanu pindahan daripada syarikat tersebut ke Perbadanan Bioteknologi Melaka tidak dapat disahkan.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak empat geran tanah milik Perbadanan Bioteknologi Melaka iaitu HSM680 PT387, HSM681 PT388, PM452 LOT3014 dan PM453 LOT3015 tidak direkodkan sebagai Aset Tidak Alish dalam penyata kewangan Perbadanan Bioteknologi Melaka.</li> <li>Pengesahan tidak dapat dilaksanakan terhadap laba pelupusan tanah berjumlah RM2.72 juta di item Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi, pelupusan harta tanah, loji dan peralatan berjumlah RM2.61 juta di item Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan dan pinjaman kepada subsidiari berjumlah RM0.83 juta di item Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan. Ini disebabkan Perbadanan Bioteknologi Melaka tidak mengemukakan maklumat dan dokumen berkaitan transaksi tersebut.</li> </ul>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2019

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta 171, satu salinan penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkusa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN. Kesemua penyata kewangan tahun 2019 telah disahkan oleh Ketua Audit Negara. Sehingga 31 Ogos 2021, 11 penyata kewangan tahun 2019 telah dibentangkan di DUN, manakala empat penyata kewangan agensi belum dibentangkan. Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) tidak perlu dibentangkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019 YANG TELAH DAN BELUM**  
**DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SEHINGGA 31 OGOS 2021**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka	09.12.2020
2.	Perbadanan Bioteknologi Melaka	Belum dibentangkan
3.	Lembaga Perumahan Melaka	09.12.2020
4.	Perbadanan Muzium Melaka	09.12.2020
5.	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka	09.12.2020
6.	Yayasan Melaka	09.12.2020
7.	Perbadanan Stadium Melaka	Belum dibentangkan
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka	09.12.2020
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	Belum dibentangkan
10.	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka	09.12.2020
11.	Majlis Sukan Negeri Melaka	*Tidak Perlu Dibentangkan di DUN
12.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	09.12.2020
13.	Majlis Perbandaran Alor Gajah	09.12.2020
14.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	09.12.2020
15.	Majlis Perbandaran Jasin	09.12.2020
16.	Majlis Agama Islam Melaka	Belum dibentangkan

Sumber: Minit Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Melaka Keempat Belas Tahun 2020

Nota: (\*) - Majlis Sukan Negara hanya perlu mengemukakan sesalian penyata akaun yang telah diaudit kepada Menteri berdasarkan Seksyen 13(3), Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971.

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, pandemik Covid-19 masih lagi berterusan. Keadaan ini turut menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan agensi negeri dan menimbulkan kesulitan untuk melaksanakan pengauditan di agensi berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh di seluruh negara bermula 1 Jun 2021. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi tidak dilaporkan pada kali ini kerana 13 penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 masih dalam proses pengauditan dan satu penyata kewangan agensi masih belum diserahkan untuk diaudit.

## **8. RUMUSAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, dua penyata kewangan BBN telah disahkan sehingga 31 Ogos 2021. Penyata kewangan yang telah disahkan ialah Perbadanan Muzium Melaka dan Perbadanan Bioteknologi Melaka, iaitu masing-masing diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM). Selain itu, 13 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan manakala satu penyata kewangan agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit.

## **9. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Jabatan Kewangan Negeri dalam memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* serta pengesahan penyata kewangan dapat dibuat mengikut ketetapan Akta/Enakmen agensi walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19.



## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI**



**BAHAGIAN IV**  
**PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu Bidang Utama Audit/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan profil risiko yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap dua perkara melibatkan lima jabatan/agensi seperti berikut:
  - pengurusan Hasil Duti Hiburan di Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM); dan
  - pengurusan Cukai Taksiran Harta di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

**Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dilaksana untuk menentukan:
  - pengurusan cukai taksiran telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
  - kutipan hasil diterima dan diperakaunkan dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

**Apa yang ditemui Audit?**

- **Pengurusan Hasil Duti Hiburan di JKPNM:**
  - terdapat kekurangan kutipan duti hiburan sebanyak RM0.85 juta;
  - tunggakan duti hiburan tahun 2014 hingga 2019 yang belum dikutip berjumlah RM1.63 juta; dan

- penyata jualan tiket tidak dikemukakan oleh pengendali taman tema.
- **Pengurusan Cukai Taksiran Harta di MBMB, MPAG, MPJ dan MPHTJ:**
    - tunggakan cukai taksiran berjumlah RM5.14 juta bagi pegangan yang belum ditukar hak milik;
    - penilaian semula perubahan bangunan dan binaan tidak dilaksanakan;
    - pembayaran tanpa kontrak formal sejumlah RM201,718 iaitu selepas tempoh bayaran berkala yang dibenarkan (MPHTJ);
    - pembayaran tanpa kontrak formal sejumlah RM83,755 iaitu dalam tempoh empat bulan selepas SST ditandatangani (MBMB); dan
    - bayaran tidak menepati spesifikasi perjanjian dengan perbezaan berjumlah RM10,543 (MBMB).

---

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI**

---

#### **1. PENGENALAN**

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2020, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan empat agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2020**

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pengurusan Hasil Duti Hiburan	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka
2.	Pengurusan Cukai Taksiran	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Majlis Perbandaran Alor Gajah Majlis Perbandaran Jasin Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya





# **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

## **JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA**

- PENGURUSAN HASIL DUTI HIBURAN



# JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

## 1. PENGURUSAN HASIL DUTI HIBURAN

### FAKTA UTAMA

#### **RM3.94 Juta**

Jumlah kutipan keseluruhan hasil duti hiburan pada tahun 2020

#### **RM0.43 Juta**

Kutipan duti hiburan bagi taman tema tahun 2020

#### **Akta**

Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103)

#### **RM2.48 Juta**

Jumlah keseluruhan tunggakan duti hiburan bagi taman tema sehingga Disember 2020

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Mengikut Bahagian 3 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, hasil bagi duti hiburan diserahkan kepada negeri. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 2(1) menyatakan hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan, atau apa-apa aktiviti yang boleh diisyiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan.

1.2. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) bertanggungjawab mengutip hasil duti hiburan di negeri Melaka. Kutipan duti hiburan adalah berdasarkan kepada lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengurusan hasil duti hiburan di JKPNM tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103). Antara hasil yang dikenakan duti hiburan adalah hasil penjualan tiket pawagam, tiket taman hiburan dan tiket pertunjukan pentas. Pada tahun 2020, kutipan keseluruhan hasil duti hiburan oleh JKPNM adalah berjumlah RM3.94 juta.

### 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil diterima dan diperakaunkan dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dilaksanakan terhadap kutipan hasil duti hiburan di Unit Hasil JKP NM bagi tahun 2020. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap dokumen dan laporan berkaitan duti hiburan bagi 14 taman tema yang terdapat di negeri Melaka. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

### **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan ini telah dijalankan pada bulan Januari hingga Februari 2021. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan kepada JKP NM pada 1 Julai 2021 dan maklum balas telah diterima pada 16 Julai 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 16 Julai 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

#### **4.1. Duti Hiburan Tahun 2020 Terkurang Kutip Sejumlah RM0.85 Juta**

4.1.1. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 4(1) menyatakan duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa. Mesyuarat Dewan Rakyat yang diadakan pada 10 Mei 2001 meluluskan ketetapan bahawa mulai 1 Oktober 2001, duti hiburan dikenakan pada kadar 25% ke atas bayaran masuk mana-mana hiburan.

4.1.2. Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 25 Tahun 2014 bertarikh 13 Ogos 2014 (Risalat MMKN.2B/25/2014) telah meluluskan penguatkuasaan caj duti hiburan secara berperingkat terhadap taman tema di negeri Melaka bermula dengan kadar 12.5% sehingga semakan semula oleh Pihak Berkuasa Negeri. Lapan pengendali taman tema dikenakan duti hiburan pada kadar 12.5% manakala enam pengendali taman tema dikenakan duti hiburan pada kadar 10%.

4.1.3. Berdasarkan kadar caj yang dikenakan seperti dalam **Jadual 1**, hasil duti hiburan yang sepatutnya dikutip oleh JKP NM adalah berjumlah RM1.28 juta. Bagaimanapun, anggaran ini hanya mengambil kira duti hiburan bagi sepuluh taman tema sahaja berbanding 14 taman tema keseluruhannya yang layak dicaj duti hiburan. Empat taman tema lagi, iaitu Zoo Melaka, Taman Mini Malaysia dan Asean, Taman Rama-Rama dan Illusion 3D Art Museum Melaka tidak diambil kira dalam anggaran tersebut disebabkan ketiadaan maklumat jualan tiket masuk dan bayaran duti hiburan.

4.1.4. Seterusnya dari segi prestasi kutipan, didapati **hasil sebenar duti hiburan yang dikutip adalah RM432,354 berbanding RM1.28 juta yang dianggarkan, iaitu kurangan sebanyak RM0.85 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN TAMAN TEMA BAGI TAHUN 2020**

BIL.	TAMAN TEMA	KADAR DUTI HIBURAN (a) (%)	JUMLAH JUALAN TIKET MASUK (b)	DUTI HIBURAN		DUTI HIBURAN TERKURANG KUTIP (e = c - d) (RM)
				SEPATUT DIKUTIP (c = b x a) (RM)	SEBENAR DIKUTIP (d) (RM)	
1.	Melaka Wonderland Theme Park	12.5	211,167	26,396	0	26,396
2.	Taman Buaya		58,841	7,355	7,336	19
3.	Perbadanan Muzium Melaka		1,372,424	171,553	0	171,553
4.	A' Famosa Resort		634,287	79,286	79,286	-
5.	Bayou Lagoon		30,650	3,831	3,831	-
6.	Zoo Melaka		TM	TM	TM	TM
7.	Taman Mini Malaysia dan Asean		TM	TM	TM	TM
8.	Taman Rama-Rama		TM	TM	TM	TM
9.	Menara Taming Sari	10.0	1,265,706	126,571	52,874	73,697
10.	Melaka River Cruise		6,926,183	692,618	149,283	543,335
11.	Upside Down House Gallery		463,545	46,355	11,034	35,321
12.	Coral Wonderland		681,137	68,114	68,114	-
13.	The Shore Oceanarium		580,361	58,036	58,036	-
14.	Illusion 3D Art Museum Melaka		TM	TM	2,560	TM
<b>JUMLAH</b>			<b>12,224,301</b>	<b>1,280,115</b>	<b>432,354</b>	<b>850,321</b>

Sumber: Penyata Jualan Tiket dan Resit Kew. 38(e)

Nota: (TM) - Tiada maklumat

4.1.5. Perkara ini berlaku disebabkan oleh garis panduan yang tidak jelas bagi prosedur kutipan hasil duti hiburan oleh JKPNM.

### Maklum Balas JKPNM yang Diterima Pada 16 Julai 2021

JKPNM dalam tindakan penambahbaikan proses aliran kerja kutipan hasil duti hiburan. Selain itu, JKPNM telah mengadakan perbincangan dengan pengendali taman tema serta mengeluarkan surat peringatan tunggakan duti hiburan. Hasil tindakan tersebut JKPNM telah berjaya mengutip sejumlah RM171,560 tunggakan duti hiburan.

**Pernyataan Audit** | Duti hiburan yang terkurang kutip berjumlah RM0.85 juta menyebabkan berlaku kekurangan hasil kepada JKP NM. Bagaimanapun, JKP NM telah dapat mengutip semula hasil duti hiburan sejumlah RM0.17 juta selepas mendapat teguran Audit.

#### 4.2. Tunggakan Duti Hiburan Tahun 2014 Hingga 2019 yang Belum Dikutip Berjumlah RM1.63 Juta

4.2.1. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 8 menyatakan duti hiburan, dalam hal kemasukan selain dengan cara tiket bersetem, boleh didapatkan daripada tuan punya sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dengan apa-apa jalan dan cara yang sedang berkuat kuasa bagi mendapatkan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

4.2.2. Sehingga 31 Disember 2019, tunggakan duti hiburan dari tahun 2014 hingga 2019 melibatkan enam taman tema adalah berjumlah RM1.67 juta. Didapati hanya tiga pengendali taman tema yang membuat bayaran terhadap baki tunggakan duti hiburan berkenaan pada tahun 2020 sebanyak RM42,165, iaitu 2.5% sahaja berbanding RM1.67 juta jumlah tunggakan keseluruhannya. Sehingga 31 Disember 2020, **baki tunggakan duti hiburan berkenaan yang belum dikutip oleh JKP NM adalah berjumlah RM1.63 juta.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2  
KEDUDUKAN TUNGGAKAN DUTI HIBURAN  
DARI TAHUN 2014 HINGGA 2019 SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

BIL.	TAMAN TEMA	TAHUN TUNGGAKAN	JUMLAH TUNGGAKAN DUTI HIBURAN (RM)	KUTIPAN BAYARAN TUNGGAKAN DUTI HIBURAN PADA TAHUN 2020 (RM)	JUMLAH BAKI TUNGGAKAN YANG BELUM DIKUTIP (RM)
1.	Melaka Wonderland Theme Park	2019	27,459	6,865	20,594
2.	Taman Buaya	2016 - 2019	112,740	2,000	110,740
3.	Perbadanan Muzium Melaka	2014 - 2019	944,751	0	944,751
4.	Zoo Melaka	2019	342,016	0	342,016
5.	Taman Mini Malaysia dan Asean	2014 - 2019	207,261	0	207,261
6.	Upside Downhouse Gallery	2019	33,300	33,300	-
<b>JUMLAH</b>			<b>1,667,527</b>	<b>42,165</b>	<b>1,625,362</b>

Sumber: Unit Hasil, JKP NM

4.2.3. Tunggakan ini berlaku disebabkan kelemahan dari segi prosedur kutipan hasil oleh JKP NM, selain pengendali taman tema yang menangguhkan bayaran duti hiburan.

### **Maklum Balas JKP NM yang Diterima Pada 16 Julai 2021**

JKP NM telah mengadakan perbincangan dengan pengendali taman tema serta mengeluarkan surat peringatan tunggakan duti hiburan. Hasil tindakan tersebut JKP NM telah berjaya mengutip sejumlah RM56,914 tunggakan duti hiburan.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Duti hiburan yang belum dikutip menyebabkan berlaku kekurangan hasil sejumlah RM1.63 juta kepada JKP NM. Bagaimanapun, JKP NM telah dapat mengutip tunggakan hasil duti hiburan sejumlah RM56,914 selepas mendapat teguran Audit.</b>
-------------------------	--

### **4.3. Penyata Jualan Tiket Tidak Dikemukakan**

4.3.1. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 8 menyatakan duti hiburan, dalam hal kemasukan selain dengan cara tiket bersetem, boleh didapatkan daripada tuan punya sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dengan apa-apa jalan dan cara yang sedang berkuat kuasa bagi mendapatkan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

4.3.2. Semakan Audit mendapati **sembilan pengendali taman tema hanya mengemukakan penyata jualan tiket bagi tempoh dua hingga sembilan bulan manakala lima pengendali taman tema langsung tidak mengemukakan penyata jualan tiket sepanjang tempoh tersebut.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3.**

**JADUAL 3**  
**STATUS PENYERAHAN PENYATA JUALAN TIKET**  
**OLEH PENGENDALI TAMAN TEMA KEPADA JKPNM BAGI TAHUN 2020**

BIL.	TAMAN TEMA	PENYATA JUALAN TIKET DIKEMUKAKAN YA (✓) / TIDAK (X)											
		BULAN											
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	Ogos	SEPT	OKT	NOV	DIS
1.	Melaka Wonderland Theme Park	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X
2.	Taman Buaya	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
3.	Perbadanan Muzium Melaka	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
4.	A' Famosa Resort	✓	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	X	X	X
5.	Bayou Lagoon	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
6.	Zoo Melaka	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
7.	Taman Mini Malaysia dan Asean	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
8.	Taman Rama-Rama	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
9.	Menara Taming Sari	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X	X	X	X
10.	Melaka River Cruise	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
11.	Upside Downhouse Gallery	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
12.	Coral Wonderland	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
13.	The Shore Oceanarium	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X
14.	Illusion 3D Art Museum Melaka	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X

Sumber: JKPNM

4.3.3. Perkara ini disebabkan pemantauan terhadap pengeluaran notis peringatan kepada pengendali taman tema untuk mengemukakan penyata jualan tiket tidak dilaksanakan oleh JKPNM.

### Maklum Balas JKPNM yang Diterima Pada 16 Julai 2021

JKPNM dalam peringkat penambahbaikan proses aliran kerja dan telah menambah seorang kakitangan untuk menjalankan tugas berkaitan duti hiburan. Selain itu, tindakan untuk mendapatkan maklumat penyata jualan tiket daripada pengendali taman tema telah dilaksanakan oleh JKPNM.

**Pernyataan Audit** | **Kegagalan JKP NM membuat pemantauan terhadap penyata jualan tiket menyebabkan risiko kerugian kepada Kerajaan negeri.**

## 5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kutipan hasil duti hiburan tidak diuruskan dengan teratur di JKP NM kerana terdapat duti hiburan tahun 2020 yang terkurang kutip berjumlah RM0.85 juta. Selain itu, terdapat tunggakan duti hiburan bagi tahun 2014 hingga 2019 berjumlah RM1.63 juta. Perkara ini memberi kesan kepada kutipan hasil Kerajaan Negeri. Ini disebabkan oleh kelemahan garis panduan dari segi prosedur kutipan hasil dan kurang pemantauan terhadap pengeluaran notis peringatan kepada pengendali taman tema untuk mengemukakan penyata jualan tiket.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta dapat mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan, JKP NM hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 6.1. mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan hasil dan tunggakan duti hiburan yang belum berjaya dikutip;
- 6.2. memastikan pengendali taman tema mengemukakan penyata jualan pada setiap bulan bagi tujuan pengiraan duti hiburan; dan
- 6.3. mengemas kini proses kerja kutipan hasil duti hiburan dengan lebih terperinci selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2002.





# **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

## **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**

## **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

## **MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

## **MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**

- PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN



# **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**

# **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

# **MAJLIS PERBANDARAN JASIN**

# **MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**

## **2. PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN**

### **FAKTA UTAMA**

#### **RM211.21 Juta**

Jumlah keseluruhan kutipan cukai taksiran pada tahun 2020

#### **RM121.61 Juta**

Jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran sehingga Disember 2020

**RM142.79 Juta** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

**RM18.13 Juta** - Majlis Perbandaran Alor Gajah

**RM9.22 Juta** - Majlis Perbandaran Jasin

**RM41.07 Juta** - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

**RM87.97 Juta** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

**RM8.91 Juta** - Majlis Perbandaran Alor Gajah

**RM6.07 Juta** - Majlis Perbandaran Jasin

**RM18.66 Juta** - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

## **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Cukai taksiran merupakan hasil utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenakan ke atas semua pegangan harta yang terletak di dalam kawasannya. Pada tahun 2020, jumlah kutipan keseluruhan cukai taksiran bagi PBT di negeri Melaka adalah RM211.21 juta. Kutipan cukai taksiran mengikut agensi ialah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) RM142.79 juta, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) RM18.13 juta, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) RM9.22 juta, dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) RM41.07 juta.

1.2. Jumlah tunggakan cukai taksiran sehingga bulan Disember 2020 pula adalah RM121.61 juta, iaitu MBMB (RM87.97 juta); MPAG (RM8.91 juta); MPJ (RM6.07 juta) dan MPHTJ (RM18.66 juta).

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan cukai taksiran telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini meliputi pengurusan tunggakan dan penilaian cukai taksiran serta pengurusan perkhidmatan mencetak bil bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020. Pengauditan dijalankan di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) serta Jabatan Kewangan di semua PBT.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis laporan, fail, rekod kewangan dan perakaunan, pangkalan data dalam sistem berkomputer serta dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab turut dijalankan.

### **4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga April 2021. Maklumat berkaitan Pemerhatian Audit, maklum balas dan Mesyuarat Penutup adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**MAKLUMAT BERKAITAN PEMERHATIAN**  
**AUDIT, MAKLUM BALAS DAN MESYUARAT PENUTUP**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PEMERHATIAN AUDIT DIKELUARKAN	MAKLUM BALAS DITERIMA	MESYUARAT PENUTUP DIADAKAN
1.	MBMB	01.07.2021	23.07.2021	28.07.2021
2.	MPAG	05.07.2021	19.07.2021	23.07.2021
3.	MPJ	01.07.2021	21.07.2021	22.07.2021
4.	MPHTJ	01.07.2021	15.07.2021	22.07.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### **4.1. Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Pegangan yang Belum Ditukar Hak Milik**

4.1.1. Seksyen 147(2) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) menyatakan jika mana-mana jumlah wang itu atau mana-mana bahagiannya masih terhutang dan belum dibayar pada akhir bulan Februari atau hingga akhir bulan Ogos dalam setiap tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai tunggakan dan boleh dituntut sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 148.

4.1.2. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan cukai taksiran semasa bagi semua PBT berjumlah RM121.61 juta. Tunggakan cukai taksiran ini meningkat sebanyak RM26.21 juta (27.5%) pada tahun 2020 berbanding RM95.40 juta pada

tahun 2019. Kedudukan tunggakan cukai taksiran semasa berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2020	2019	(RM Juta)	(%)
1.	MBMB	87.97	65.99	21.98	33.3
2.	MPAG	8.91	7.88	1.03	13.1
3.	MPJ	6.07	5.63	0.44	7.8
4.	MPHTJ	18.66	15.90	2.76	17.4
<b>JUMLAH</b>		<b>121.61</b>	<b>95.40</b>	<b>26.21</b>	<b>27.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan 2019 dan 2020 MBMB, MPAG, MPJ dan MPHTJ

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati **daripada tunggakan cukai berjumlah RM121.61 juta, sejumlah RM5.14 juta merupakan tunggakan bagi pegangan yang belum ditukar hak milik.** Hal ini disebabkan kegagalan pemaju membuat penukaran hak milik kepada pembeli, kelemahan penguatkuasaan oleh PBT dan ketiadaan prosedur kerja yang jelas dalam memastikan pemaju membuat penukaran hak milik. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Notis Jualan atau Pindah Milik (Borang I) telah dikemukakan oleh pemaju kepada PBT.

### **Maklum Balas MBMB yang Diterima Pada 23 Julai 2021**

MBMB menambah perkhidmatan penukaran hak milik pegangan di kaunter kutipan luar dan melalui atas talian. MBMB mengambil inisiatif dengan memberi diskaun bayaran proses penukaran nama dan peringatan untuk membuat penukaran juga dimaklumkan melalui laman sesawang dan bil cukai taksiran.

### **Maklum Balas MPJ yang Diterima Pada 21 Julai 2021**

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik bagi memaklumkan proses pindah milik yang berlaku. MPJ telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan surat pengesahan kepada pemaju berkaitan dalam mengenal pasti status pemilikan terkini.

## **Maklum Balas MPHTJ yang Diterima Pada 15 Julai 2021**

MPHTJ telah mengeluarkan surat peringatan pindah milik Borang I secara bersasar mengikut kawasan sejak tahun 2019. Selain itu, promosi bayaran pindah milik Borang I secara percuma/diskaun diberikan bagi menggalakkan pindah milik nama dilakukan oleh pemilik-pemilik pegangan.

**Pernyataan Audit** | **Kegagalan penukaran hak milik kepada pembeli menyebabkan PBT tidak dapat mengenakan tindakan mahkamah bagi mengutip tunggakan cukai berjumlah RM5.14 juta.**

### **4.2. Penilaian Semula Perubahan Bangunan dan Binaan**

4.2.1. Seksyen 143(1)(b) dan (c), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyatakan pindaan penilaian ke atas pegangan akan dibuat terhadap apa-apa bangunan didirikan, diubah suai, diubah, diruntuhkan atau dibina semula yang menyebabkan perubahan nilaiannya pegangan sama ada dinaikkan atau diturunkan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati **34 sampel pegangan iaitu masing-masing 14 di MPAG, 11 di MPJ dan sembilan di MPHTJ yang telah siap diubah suai/diubah tambah bangunan tidak dibuat penilaian semula**. Penilaian semula tidak dilaksanakan oleh PBT disebabkan antaranya tiada laporan perakuan siap kerja dikemukakan kepada JPPH; PBT lebih memfokuskan pindaan senarai nilaiannya bagi kategori tanah kosong yang dimajukan; dan kekurangan tenaga kerja. **Kegagalan pelaksanaan penilaian semula mengakibatkan kerugian kepada PBT memandangkan pemilik pegangan masih dikenakan cukai taksiran mengikut nilai pegangan yang asal.** Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1 hingga Gambar 9**.

**GAMBAR 1**




Lot 9648 (DT 263), Taman Nuri,  
Alor Gajah  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula  
Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.03.2021)  
Sumber: Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 2**




Lot 1035 (BB 46), Taman Vista Belimbing,  
Alor Gajah  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula  
Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.03.2021)  
Sumber: Jabatan Audit Negara

**GAMBAR 3**




No.27, Jalan CVR 6, Country Villa Resort, Hang Tuah Jaya  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.12.2020)  
Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ

**GAMBAR 4**



No.25, Jalan CVR 6, Country Villa Resort, Hang Tuah Jaya  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.12.2020)  
Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ

**GAMBAR 5**



No.27, Jalan CVR 4, Country Villa Resort, Hang Tuah Jaya  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.12.2020)

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ

**GAMBAR 6**



No.82, Jalan CVR 8, Country Villa Resort, Hang Tuah Jaya  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.12.2020)

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ


**GAMBAR 7**



No.62, Jalan CVR 8, Country Villa Resort, Hang Tuah Jaya  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(24.12.2020)

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ


**GAMBAR 8**



No.29, Jalan Desa Idaman 14, Taman Desa Idaman Fasa II  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(29.12.2020)

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ

**GAMBAR 9**



No.6, Jalan Desa Idaman 10, Taman Desa Idaman Fasa II  
- Pegangan Tidak Dinilai Semula Selepas Siap Ubah Tambah Bangunan  
(29.12.2020)

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Pelan Lantai MPHTJ

### **Maklum Balas MPAG yang Diterima Pada 19 Julai 2021**

MPAG akan menambah baik proses kerja bagi penilaian ubah tambah melalui permohonan pemulangan deposit yang dikemukakan oleh pemilik pegangan. Permohonan tuntutan pemulangan deposit tersebut menandakan bangunan tambah tersebut telah siap dibina.

### **Maklum Balas MPJ yang Diterima Pada 21 Julai 2021**

Penilaian terhadap tambahan dan ubah suai pelan bangunan yang telah siap tidak dilaksanakan kerana kekangan dalam menentukan tuntutan tambahan disebabkan keterbatasan sistem e-PBT berdasarkan kelulusan pengecualian kenaikan cukai bagi pegangan kediaman.

## **Maklum Balas MPHTJ yang Diterima Pada 15 Julai 2021**

MPHTJ lebih memfokuskan pindaan senarai nilaiang bagi kategori tanah kosong yang dimajukan menjadi premis bangunan (tanah kosong kepada bangunan) serta tambahan dan ubah suai bangunan bagi kategori komersial dan industri kerana hasil cukai yang diperoleh adalah lebih baik. MPHTJ akan mengambil tindakan penilaian semula ubah suai dan tambahan bangunan kategori kediaman pada masa akan datang.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Kegagalan melaksanakan pindaan penilaian ke atas pegangan terhadap bangunan yang didirikan, diubah suai, diubah, diruntuhkan atau dibina semula menyebabkan perubahan nilaiang pegangan tidak dapat diiktiraf dengan tepat.</b>
-------------------------	--

### **4.3. Pengurusan Perkhidmatan Mencetak dan Menghantar Bil Cukai Taksiran**

4.3.1. Arahan Perbendaharaan 176.1(a) menjelaskan Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati dengan maklumat penuh perolehan, harga seunit yang dipersetujui, kuantiti yang dikehendaki, tarikh, masa dan tempat serahan, belanja serahan, perkhidmatan lepas jualan, kemudahan mendapatkan alat ganti dan lain-lain yang berkenaan sebelum perolehan tersebut disetuju terima.

4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.2 menyatakan Surat Setuju Terima (SST) adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat. SST hendaklah dikeluarkan dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Bayaran berkala yang dibenarkan adalah sebanyak tiga kali dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangan.

4.3.3. Semakan Audit mendapati berlaku kelemahan dalam pengurusan perolehan bagi perkhidmatan mencetak dan menghantar bil cukai taksiran di MPHTJ dan MBMB seperti perenggan berikut:

#### **4.3.3.1. MPHTJ**

MPHTJ telah melantik syarikat percetakan bernombor pendaftaran 199201022436 bagi Perkhidmatan Mencetak Bil Cukai Taksiran Harta dan Notis E untuk tempoh dua tahun mulai bulan September 2018 hingga September 2020. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**a. Pembayaran Tanpa Kontrak Formal Sejumlah RM201,718 Iaitu Selepas Tempoh Bayaran Berkala yang Dibenarkan**

- i. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan kepada syarikat 199201022436 pada 23 Julai 2018. Bagaimanapun **sehingga 1 Disember 2020, perjanjian kontrak formal bagi Perkhidmatan Mencetak Bil Cukai Taksiran Harta dan Notis E masih belum ditandatangani dengan kelewatan selama 26 bulan. Tempoh kontrak telah pun tamat pada 30 September 2020.**
- ii. Semakan selanjutnya mendapati MPHTJ telah membuat pembayaran penuh kepada syarikat 199201022436 berjumlah RM261,172 bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. Analisis Audit mendapati sejumlah RM59,454 telah dibayar dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya SST seperti mana diperuntukkan di bawah PK 4.2. Bagaimanapun, **baki bayaran sejumlah RM201,718 telah dibayar selepas tempoh empat bulan tersebut walaupun kontrak formal belum ditandatangani.** Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 3** berikut:

**JADUAL 3  
BAYARAN TANPA KONTRAK FORMAL**

BIL.	TARIKH SST	BAUCAR BAYARAN		AMAUN (RM)
		NO.	TARIKH	
1.	23 Julai 2018	0619050002	30.05.2019	10,712.82
2.		0619080003	18.09.2019	45,362.36
3.		0619100003	11.11.2019	7,817.88
4.		0619120010	31.12.2019	52,542.20
5.		0620090003	28.09.2020	84,519.60
6.		0620110003	09.12.2020	763.04
<b>JUMLAH</b>				<b>201,717.90</b>

Sumber: Fail Sebut Harga dan Baukar Bayaran MPHTJ

**Maklum Balas MPHTJ yang Diterima Pada 15 Julai 2021**

Kontrak bagi perjanjian lama telah tamat dan kontrak baru telah dilaksanakan melalui proses sebut harga, telah ditandatangani pada bulan Jun 2021 dan masih dalam tindakan peguam untuk mematikan setem.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Kegagalan kontrak formal ditandatangani sehingga penamatan perkhidmatan mendedahkan Kerajaan kepada risiko kerugian jika berlaku sebarang kemungkiran oleh pihak syarikat. Pembayaran berjumlah RM201,718 tanpa kontrak formal adalah melanggar prosedur dalam perolehan.</b>
-------------------------	--

#### **4.3.3.2. MBMB**

MBMB telah melantik syarikat percetakan bernombor pendaftaran 198601008021 bagi Perkhidmatan Mencetak dan Menghantar Bil Cukai Taksiran Harta dan Notis E bagi tahun 2019 hingga 2020 dengan kos keseluruhan berjumlah RM343,020. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**a. Pembayaran Tanpa Kontrak Formal Sejumlah RM83,755 Iaitu Dalam Tempoh Empat Bulan Selepas SST Ditandatangani**

- i. SST telah dikeluarkan kepada syarikat pada 28 November 2018, dan perjanjian kontrak formal sepatutnya ditandatangani selewat-selewatnya pada 28 Mac 2019, iaitu dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya SST. Bagaimanapun, didapati **perjanjian telah ditandatangani pada 18 Disember 2020, iaitu kelewatan selama 20 bulan 21 hari.**
- ii. Selanjutnya pihak Audit mendapati MBMB telah membuat bayaran kepada syarikat 198601008021 sebanyak lima kali bagi perolehan tersebut dengan jumlah keseluruhan RM111,939. Didapati sejumlah RM28,184 telah dibayar dalam tempoh empat bulan pertama selepas keluarnya SST, iaitu pada 6 Mac 2019 dan 20 Mac 2019 dan pembayaran ini selaras dengan peruntukan di bawah PK 4.2. Bagaimanapun, **baki sejumlah RM83,755 telah dibayar selepas tempoh empat bulan pertama tersebut dan sebelum kontrak formal ditandatangani.** Pembayaran telah dibuat masing-masing pada 27 Jun 2019, 5 Februari 2020 dan 20 Julai 2020.

## **Maklum Balas MBMB yang Diterima Pada 23 Julai 2021**

MBMB telah mengambil perhatian berkenaan isu kelewatan penyediaan perjanjian dan tindakan pemutihan seperti penambahbaikan prosedur kerja dan mempercepat proses penyediaan serta tandatangan perjanjian telah dilaksanakan ke atas semua perolehan bermula Ogos 2020.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Pembayaran berjumlah RM83,755 selepas SST ditandatangani tanpa kontrak formal adalah melanggar prosedur dalam perolehan.</b>
-------------------------	---

### **b. Bayaran Tidak Menepati Spesifikasi Perjanjian**

- i. Merujuk kepada lampiran perjanjian Perkhidmatan Mencetak, Membekal dan Menghantar Bil-Bil Cukai Taksiran Harta dan Notis E, kadar yang dikenakan bagi mencetak bil cukai taksiran adalah RM0.18 sekeping dan caj bahan mentah adalah bagi saiz kertas A4 jenis *Laser Grade Paper* dengan berat 100 gsm (*Gram Per Square Meter*).
- ii. Semakan Audit terhadap invois syarikat mendapati kadar yang dituntut dan dibayar oleh MBMB bagi cetakan bil cukai taksiran adalah berbeza dengan spesifikasi perkhidmatan yang dinyatakan dalam kontrak. Kadar yang dituntut dan dibayar adalah RM0.195 sekeping bagi cetakan bil cukai taksiran dan menggunakan kertas A4 dengan berat 120 gsm. Ini menyebabkan kos yang perlu dibayar oleh MBMB adalah lebih tinggi berbanding kos yang dinyatakan dalam kontrak.
- iii. Didapati MBMB telah membuat lima kali bayaran kepada syarikat 198601008021 dengan jumlah RM109,939 berdasarkan invois yang dikemukakan oleh syarikat. Berdasarkan pengiraan Audit, jumlah yang sepatutnya dibayar berdasarkan spesifikasi perkhidmatan yang dinyatakan dalam kontrak adalah RM99,396. Ini menunjukkan **perbezaan bayaran sejumlah RM10,543**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PERBEZAAN ANTARA KADAR BAYARAN DALAM INVOIS**  
**DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN DALAM PERJANJIAN**

BIL.	NO.BAUCAR BAYARAN/ TARIKH (NO.INVOIS/TARIKH)	BUTIRAN PADA INVOIS SYARIKAT	KUANTITI CETAKAN	INVOIS SYARIKAT		SPESIFIKASI PERJANJIAN		JUMLAH PERBEZAAN (RM) (a)-(b)	
				HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM) (a)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM) (b)		
1.	082019030001/06.03.2019 (IV-68699/22.03.2019)	<i>Selfmailer</i>	136,843	0.100	13,684	0.18	24,632		
		Kertas A4 120 gsm	140,000	0.095	13,300				
<b>JUMLAH</b>				<b>26,984</b>			<b>24,632</b>	<b>2,352</b>	
2.	082019030002/20.03.2019 (IV-70805/28.02.2019)	<i>Selfmailer</i>	2,000	0.100	200	0.18	360		
		Kertas A4 120 gsm	2,000	0.095	190				
<b>JUMLAH</b>				<b>390</b>			<b>360</b>	<b>30</b>	
3.	082019060001/27.06.2019 (IV-75134/09.07.2019)	<i>Selfmailer</i>	133,903	0.100	13,390	0.18	24,103		
		Kertas A4 120 gsm	143,000	0.095	13,585				
<b>JUMLAH</b>				<b>26,975</b>			<b>24,103</b>	<b>2,872</b>	
4.	082020020002/05.02.2020 (IV-84122/31.12.2019)	<i>Selfmailer</i>	138,463	0.100	13,846	0.18	24,923		
		Kertas A4 120 gsm	145,000	0.095	13,775				
<b>JUMLAH</b>				<b>27,621</b>			<b>24,923</b>	<b>2,698</b>	
5.	082020070004/20.07.2020 (IV-91539/30.06.2020)	<i>Selfmailer</i>	140,987	0.100	14,099	0.18	25,378		
		Kertas A4 120 gsm	146,000	0.095	13,870				
<b>JUMLAH</b>				<b>27,969</b>			<b>25,378</b>	<b>2,591</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>109,939</b>			<b>99,396</b>	<b>10,543</b>	

Sumber: Baucar Bayaran MBMB

**Maklum Balas MBMB yang Diterima pada 23 Julai 2021**

Syarikat percetakan telah mengambil tindakan dengan mengemukakan Nota Kredit kepada MBMB dan bersedia untuk membayar semula lebihan bayaran tersebut atau membuat pelarasan terhadap tuntutan bayaran bil cukai taksiran bagi penggal kedua tahun 2021.

**Pernyataan | Pembayaran terhadap syarikat percetakan yang tidak mengikut spesifikasi perjanjian menyebabkan kerugian kepada MBMB.**

## **5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, pengurusan cukai taksiran di PBT di Melaka adalah kurang memuaskan. Ini berlaku kerana kegagalan membuat penukaran hak milik kepada pembeli dan pindaan penilaian pegangan tidak dilaksanakan. Di samping itu, kelemahan pengurusan juga menyebabkan pembayaran dibuat tanpa kontrak formal dan kontrak formal lewat ditandatangani.

## **6. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan teratur, pihak PBT perlu melaksanakan langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 6.1. mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan tunggakan cukai taksiran dengan mempelbagaikan aktiviti yang dapat memberi kesedaran kepada pembayar cukai;
- 6.2. memastikan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik mematuhi ketetapan kontrak bagi mengelakkan berlakunya lebihan atau kurangan bayaran; dan
- 6.3. menjalankan siasatan dalaman terhadap aspek perolehan supaya sebarang unsur kecuaian dapat diambil tindakan. Selain itu, tindakan sewajarnya juga perlu diambil terhadap syarikat yang tidak mematuhi kehendak atau arahan PBT seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan dan kontrak yang berkuat kuasa.





## **BAHAGIAN V**

# **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



---

## **BAHAGIAN V**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

---

#### **1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI, PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI SERTA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 3 telah dibentangkan pada 9 Disember 2020. Manakala LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Tahun 2019 berserta LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2019 Siri 1 masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

#### **2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Selaras dengan peranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka (Jawatankuasa) untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, pada tahun 2020, Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 7 September 2020 dan mengadakan mesyuarat khas pada 27 November 2020. Mesyuarat pada 7 September 2020 diadakan untuk membincangkan maklum balas mengenai isu-isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2012 Siri 2, Tahun 2015 Siri 2, Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2, Tahun 2017 Siri 2 dan Tahun 2018 Siri 1 dan Siri 2. Mesyuarat Khas pada 27 November 2020 pula membincangkan status terkini berkaitan isu LKAN Tahun 2018 Siri 2. Jawatankuasa telah memanggil jabatan dan agensi yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN. Butiran ringkas isu yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA**  
**WANG AWAM NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2020**

BIL.	JABATAN/AGENSI	PERKARA
<b>Tarikh: 7 September 2020</b>		
1.		<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 3/2019 bertarikh 5 November 2019</b></p> <p><b>Perbincangan jawapan bertulis daripada jabatan/agensi berkenaan isu-isu LKAN seperti berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) <b>Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah; dan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (LKAN Tahun 2012 Siri 2)</b> Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak</li> <li>ii) <b>Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; dan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (LKAN Tahun 2015 Siri 2)</b> Struktur Papan Iklan Luar Didirikan Tanpa Lesen Pendudukan Sementara</li> <li>iii) <b>Perbadanan Ketua Menteri Melaka, Kumpulan Melaka Berhad dan MITC Bowlplex (LKAN Tahun 2015 Siri 2)</b> Bayaran Pinjaman Malacca International Bowling Centre kepada Kumpulan Melaka Berhad</li> <li>iv) <b>Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (LKAN Tahun 2016 Siri 1)</b> Pembelian Unit Perniagaan di Plaza Melaka Raya</li> <li>v) <b>Perbadanan Bioteknologi Melaka (LKAN Tahun 2016 Siri 2)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi Kewangan</li> <li>• Tunggakan Pendapatan Ujian Makmal Saintifik</li> </ul> </li> <li>vi) <b>Syarikat Air Melaka Berhad (LKAN Tahun 2017 Siri 2)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian <i>Outcome Quality Assurance Programme (QAP)</i></li> <li>• <i>Standard Operating Procedures (SOP)</i></li> </ul> </li> <li>vii) <b>Unit Perancang Ekonomi Negeri (LKAN Tahun 2018 Siri 1)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan Akademik</li> <li>• Keperluan Peralatan dan Bahan Latihan</li> <li>• Dokumen Tuntutan Tidak Lengkap</li> <li>• Pembelian <i>Hydraulic Training Kit</i> Tanpa Kelulusan</li> <li>• Pemantauan</li> </ul> </li> <li>viii) <b>MAIM Holdings Berhad (LKAN Tahun 2018 Siri 2)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Korporat, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama</li> <li>• Pemantauan Syarikat Subsidiari</li> <li>• Pengurusan Hasil</li> <li>• Harga Jualan Lot Tanah Bangunan Kediaman</li> <li>• Harga Jualan Lot Tanah Bangunan Perniagaan</li> <li>• Pelantikan Syarikat Usaha Sama dan Penetapan Kadar Bayaran Pajakan</li> <li>• Penguatkuasaan Terma Perjanjian Pajakan</li> </ul> </li> <li>ix) <b>Majlis Agama Islam Melaka (LKAN Tahun 2018 Siri 2)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah Faraid/Pusaka Yang Tidak Ditebus dan Tidak Dibangunkan</li> <li>• Penjualan Tanah Faraid/Pusaka</li> <li>• Pengurusan Usaha Sama</li> <li>• Insurans</li> <li>• Pajakan Kepada Pihak Ketiga</li> </ul> </li> </ul>

BIL.	JABATAN/AGENSI	PERKARA
<b>Tarikh: 27 November 2020</b>		
2.	i) MAIM Holdings Berhad ii) Majlis Agama Islam Melaka	<p><b>Taklimat mengenai LKAN Tahun 2018 Siri 2</b></p> <p><b>Perbincangan jawapan bertulis daripada jabatan/agensi berkenaan isu-isu LKAN seperti berikut:</b></p> <p><b>i) MAIM Holdings Berhad (LKAN Tahun 2018 Siri 2)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Korporat, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama</li> <li>• Pemantauan Syarikat Subsidiari</li> <li>• Pengurusan Hasil</li> <li>• Harga Jualan Lot Tanah Bangunan Kediaman</li> <li>• Harga Jualan Lot Tanah Bangunan Perniagaan</li> <li>• Pelantikan Syarikat Usaha Sama dan Penetapan Kadar Bayaran Pajakan</li> <li>• Penguatkuasaan Terma Perjanjian Pajakan</li> </ul> <p><b>ii) Majlis Agama Islam Melaka (LKAN Tahun 2018 Siri 2)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanah Faraid/Pusaka yang Tidak Ditebus dan Tidak Dibangunkan</li> <li>• Penjualan Tanah Faraid/Pusaka</li> <li>• Pengurusan Usaha Sama</li> <li>• Insurans</li> <li>• Pajakan Kepada Pihak Ketiga</li> </ul>

Sumber: Fail Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam





# PENUTUP



---

## PENUTUP

---

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun 2020 adalah baik kerana telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap kukuh. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM160.40 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
22 November 2021**





# LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Melaka, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 11 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Plawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Melaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Melaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakananya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Melaka.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Melaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

## **Hal-hal Lain**

Kerajaan Negeri Melaka hendaklah memastikan pengurusan kewangan ditambah baik bagi perkara berikut:

- a. Pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) bagi bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelum dan dibayar pada tahun semasa perlu mengambil kira baki peruntukan jabatan sebelum kelulusan diberi.
- b. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi Badan Berkanun, agensi dan syarikat Kerajaan negeri perlu dikutip atau dibuat penjadualan semula supaya baki ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
27 OGOS 2021



4/4

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatakan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh merjeaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2020.

  
**DATUK ZAIDI BIN JOHARI**  
Pegawai Kewangan Negeri

25hb Februari 2021

  
**NORIFAH BINTI NORDIN**  
Bendahari Negeri

25hb Februari 2021

**LAMPIRAN III****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA TAHUN 31 DISEMBER 2020**

NOTA	2020 RM	2019 RM
<b>WANG AWAM</b>		
WANG TUNAI	3	91,063,925.17
PELABURAN	4	69,341,888.93
		<hr/>
	<b>160,405,814.10</b>	<b>128,647,367.93</b>
 <b>DIPEGANG BAGI:</b>		
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>		
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(57,156,288.69)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	217,562,102.79
		<hr/>
	<b>160,405,814.10</b>	<b>128,647,367.93</b>

**LAMPIRAN IV**
**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

NOTA	2020		2019	
	RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>				
<b>Hasil</b>	<b>5</b>			
Hasil Cukai	112,127,115.99		121,051,199.78	
Hasil Bukan Cukai	219,977,181.29		192,490,629.37	
Terimaan Bukan Hasil	60,777,836.58	392,882,133.86	105,569,924.33	419,111,753.48
	_____		_____	
<b>Pinjaman</b>	<b>6</b>			
Dalam Negeri	80.00	80.00	0.00	0.00
	_____		_____	
<b>Terimaan Modal</b>	<b>7</b>			
Terimaan Balik Pinjaman	0.00		0.00	
Jualan Aset Modal	0.00		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal	24,591,209.80		24,347,934.40	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00	24,591,209.80	0.00	24,347,934.40
	_____		_____	
<b>Terimaan Lain</b>	<b>7</b>			
Terimaan Amanah	37,197,524.32	37,197,524.32	39,214,682.93	39,214,682.93
	_____		_____	
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		<b>454,670,947.98</b>		<b>482,674,370.81</b>

12

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (sambungan)**

NOTA	2020		2019	
	RM	RM	RM	RM
<b>BAYARAN</b>				
Perbelanjaan Mengurus	5			
Emolumen	(108,246,038.34)		(111,266,117.99)	
Perkhidmatan dan Bekalan	(153,513,288.59)		(154,961,320.25)	
Aset	(6,278,439.78)		(3,362,547.87)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	(86,625,289.22)		(86,641,429.10)	
Perbelanjaan Lain	(1,072,491.77)	(355,735,547.70)	(4,570,413.62)	(360,801,828.83)
Perbelanjaan Pembangunan	7			
Langsung	(67,176,874.11)		(63,088,375.68)	
Pinjaman	0.00	(67,176,874.11)	0.00	(63,088,375.68)
Perbelanjaan Pinjaman				
Dalam Negeri	(80.00)	(80.00)	0.00	0.00
Perbelanjaan Modal	4			
Pembelian Instrumen Kewangan	(803,264.83)	(803,264.83)	(10,000,000.00)	(10,000,000.00)
Perbelanjaan Amanah				
Bayaran Amanah	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<b>(423,715,766.64)</b>		<b>(433,890,204.51)</b>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		30,955,181.34		48,784,166.30
Wang Tunai Pada 1 Januari		60,108,743.83		11,324,577.53
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>91,063,925.17</b>		<b>60,108,743.83</b>

Note: (\*) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	NOTA	2020		2019
		BELANJAWAN RM	SEBENAR RM	SEBENAR RM
<b>HASIL</b>	5	390,222,998.00	392,882,133.86	419,111,753.48
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus*	5	390,000,000.00	355,735,547.70	360,801,828.83
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>222,998.00</b>	<b>37,146,586.16</b>	<b>58,309,924.65</b>
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7(a)(i)	70,000,000.00	67,176,874.11	63,088,375.68
<b>KURANGAN KESELURUHAN</b>		<b>(69,777,002.00)</b>	<b>(30,030,287.95)</b>	<b>(4,778,451.03)</b>
<b>KURANGAN DIBIAYAI OLEH:</b>				
Injaman Dalam Negeri			0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7(a)(i)		24,591,209.80	24,347,934.40
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			5,439,078.15	(19,569,483.37)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<b>30,030,287.95</b>	<b>4,778,451.03</b>	

Nota: (\*) : Belanja Mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan

**LAMPIRAN VI****PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
PADA 31 DISEMBER 2020**

	NOTA	2020	2019
		RM	RM
<b>MEMORANDUM ASET</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	8(a)	420,696,675.99	425,961,098.40
Pelaburan	8(b)	182,657,174.99	110,028,995.99
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>			
Hutang Awam	9(a)	643,035,776.88	821,630,774.95
Jaminan Berkanun	9(b)	53,364,555.14	24,558,493.61

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

---

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpul menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.

- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pada 31 Disember 2020, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM35,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Wang Panjar Tabung Bencana.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut :

PERIHAL	2020	2019
	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	90,071,725.17	58,060,173.67
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	1,086,370.16
Wang Tunai Dalam Tangan	992,200.00	962,200.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>91,063,925.17</b>	<b>60,108,743.83</b>

#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020		2019	
	NILAI BUKU PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH RM	PELABURAN AM RM	NILAI BUKU PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH RM	PELABURAN AM RM
<b>PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH</b>				
<b>Pelaburan Tabung Amanah Melaka</b>				
Saham Tersiar Harga	12,591,888.93	0.00	12,438,624.10	0.00
Deposit Pelaburan Tabung Amanah Melaka	17,500,000.00	0.00	27,500,000.00	0.00
Pelaburan Portfolio Pengurusan Dana	20,000,000.00	0.00	11,000,000.00	0.00
Dana Sukuk	4,000,000.00	0.00	3,000,000.00	0.00
<b>Pelaburan Tabung Amanah Pemugaran</b>				
Simpanan Tetap	1,600,000.00	0.00	1,600,000.00	0.00
<b>Pelaburan Akaun Amanah Tabung Pembangunan Nelayan Melaka</b>				
Simpanan Tetap	2,000,000.00	0.00	2,000,000.00	0.00
<b>Pelaburan Tabung Amanah Simpanan Negeri</b>				
Simpanan Tetap	650,000.00	0.00	0.00	0.00
<b>Simpanan Tetap Bank Tempatan</b>				
Simpanan Tetap Affin Bank Berhad	0.00	4,000,000.00	0.00	4,000,000.00
Simpanan Tetap MBSB Bank Berhad	0.00	0.00	0.00	6,000,000.00
Simpanan Tetap Bank Islam	0.00	0.00	0.00	1,000,000.00
Simpanan Tetap Bank - RHB Bank	0.00	4,000,000.00	0.00	0.00
Simpanan Tetap - Affin Hwang Asset Management Berhad	0.00	3,000,000.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>58,341,888.93</b>	<b>11,000,000.00</b>	<b>57,538,624.10</b>	<b>11,000,000.00</b>
<b>JUMLAH PELABURAN</b>			<b>69,341,888.93</b>	<b>68,538,624.10</b>

Nota: \* Perbelanjaan Modal adalah RM69,341,888.93 - RM68,538,624.10 = RM803,264.83

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020			2019	
	BELANJAWAN	SEBENAR	BELANJAWAN	SEBENAR	BELANJAWAN
	RM	RM	%	RM	%
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	(73,302,874.85)			(91,381,119.50)	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	155,352,973.00	112,127,115.99	72.18	121,051,199.78	81.02
Hasil Bukan Cukai	177,350,607.00	219,977,181.29	124.04	192,490,629.37	111.44
Terimaan Bukan Hasil	57,519,418.00	60,777,836.58	105.66	105,569,924.33	169.88
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>390,222,998.00</b>	<b>392,882,133.86</b>	<b>100.68</b>	<b>419,111,753.48</b>	<b>109.06</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	111,038,752.07	108,246,038.34	97.48	111,266,117.99	97.39
Perkhidmatan dan Bekalan	160,221,916.35	153,513,288.59	95.81	154,961,320.25	95.99
Aset	6,632,571.40	6,278,439.78	94.66	3,362,547.87	98.78
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	110,980,604.38	86,625,289.22	78.05	86,641,429.10	67.39
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,126,155.80	1,072,491.77	95.23	4,570,413.62	97.69
<b>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</b>	<b>390,000,000.00</b>	<b>355,735,547.70</b>	<b>91.21</b>	<b>360,801,828.83</b>	<b>87.50</b>
Pindahan Akaun Hasil Disatukan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	21,000,000.00			40,231,680.00	
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</b>		<b>376,735,547.70</b>	<b>96.60</b>	<b>401,033,508.83</b>	<b>97.26</b>
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	16,146,586.16			18,078,244.65	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>(57,156,288.69)</b>		<b>(73,302,874.85)</b>	

Nota: (\*\*) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

**(a) Hasil**

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020			2019		
	BELANJAWAN ASAL	BELANJAWAN DISEMAK	SEBENAR	BELANJAWAN	SEBENAR	BELANJAWAN
	RM	RM	RM	%	RM	%
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	104,819,973.00	104,819,973.00	86,770,078.51	82.78	86,040,542.84	77.50
Cukai Galian	0.0	0.00	0.00	0.00	1,890,510.60	15.93
Cukai Parit dan Tali Air	0.00	0.00	56.50	0.00		
Cukai Hasil Hutan	650,000.00	650,000.00	581,765.39	89.50	424,328.00	65.28
Royalti	36,170,000.00	36,170,000.00	20,823,674.24	57.57	18,936,970.74	153.26
Levi/Duti Eksais	700,000.00	700,000.00	0.00	0.00	12,983.26	86.56
Cukai Hiburan	13,000,000.00	13,000,000.00	3,938,213.01	30.29	13,745,864.34	101.82
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	13,000.00	13,000.00	13,328.34	102.53		
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	<b>155,352,973.00</b>	<b>155,352,973.00</b>	<b>112,127,115.99</b>	<b>72.18</b>	<b>121,051,199.78</b>	<b>81.02</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	6,381,560.00	6,381,560.00	5,939,954.14	93.08	1,986,147.00	35.66
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	35,899,350.00	35,899,350.00	40,120,864.65	111.76	41,796,881.18	150.65
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	111,745,810.00	111,745,810.00	136,743,662.13	122.37	116,690,907.28	101.92
Sewaan	3,479,000.00	3,479,000.00	837,490.12	24.07	1,178,672.82	37.87
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	15,249,068.00	15,249,068.00	13,456,868.41	88.25	17,574,337.55	111.11
Denda dan Hukuman	4,595,819.00	4,595,819.00	3,747,882.96	81.55	7,942,097.10	132.36
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	0.00	0.00	19,130,458.88	0.00	5,321,586.44	0.00
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	<b>177,350,607.00</b>	<b>177,350,607.00</b>	<b>219,977,181.29</b>	<b>124.04</b>	<b>192,490,629.37</b>	<b>111.44</b>
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	259,000.00	259,000.00	7,510,256.35	2,899.71	1,998,467.15	63.56
Terimaan daripada Agensi-agensi	57,260,418.00	57,260,418.00	53,258,303.37	93.01	103,571,457.18	175.54
Lain-lain Terimaan/Pindahan	0.00	0.00	9,276.86	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>57,519,418.00</b>	<b>57,519,418.00</b>	<b>60,777,836.58</b>	<b>105.66</b>	<b>105,569,924.33</b>	<b>169.88</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>390,222,998.00</b>	<b>390,222,998.00</b>	<b>392,882,133.86</b>	<b>100.68</b>	<b>419,111,753.48</b>	<b>109.06</b>

**(b) Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

MAKSUD PERBELANJAAN	2020			
	BELANJAWAN ASAL RM	BELANJAWAN DISEMAK RM	SEBENAR RM	BELANJAWAN %
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T01 Peruntukan TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	580,000.00	580,000.00	580,000.00	100.00
T02 Peruntukan Speaker Dewan Undangan Negeri	343,250.00	343,250.00	338,453.25	98.60
T03 Bayaran Hutang Kerajaan	1,000,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00
T04 Pampasan Pencen Dan Ganjaran	7,250,010.00	7,250,010.00	7,184,391.09	99.09
<b>JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>	<b>9,173,260.00</b>	<b>9,173,260.00</b>	<b>9,102,844.34</b>	<b>99.23</b>

MAKSUD PERBELANJAAN	2020			
	BELANJAWAN ASAL RM	BELANJAWAN DISEMAK RM	SEBENAR RM	BELANJAWAN %
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B01 Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	4,670,296.00	4,670,296.00	4,554,126.88	97.51
B02 Dewan Undangan Negeri	18,951,718.00	18,951,718.00	17,553,837.76	92.62
B03 Jabatan Ketua Menteri	70,597,059.00	67,543,796.32	64,969,020.42	96.19
B04 Jabatan Pertanian	6,130,847.00	6,130,847.00	5,754,819.54	93.87
B05 Pejabat Tanah Dan Galian	10,872,547.00	10,872,547.00	10,409,112.70	95.74
B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	9,406,166.00	9,406,166.00	8,705,834.48	92.55
B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	8,797,325.00	8,797,325.00	8,034,860.20	91.33
B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	8,074,931.00	8,074,931.00	7,436,674.54	92.10
B09 Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun	48,939,980.00	26,939,980.00	5,376,000.00	19.96

B10	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka	10,869,282.00	10,869,282.00	10,791,148.92	99.28
B11	Jabatan Perhutanan Melaka	2,531,757.00	2,531,757.00	2,464,516.98	97.34
B12	Jabatan Kerja Raya Melaka	30,561,227.00	30,061,227.00	29,963,631.56	99.68
B13	Jabatan Agama Islam Melaka	72,230,128.00	70,230,128.00	69,260,539.00	98.62
B14	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka	18,265,091.00	16,988,091.00	16,534,856.38	97.33
B15	Jab. Kew. dan Perbendaharaan Negeri Melaka	6,291,938.00	6,291,938.00	5,605,245.48	89.09
B16	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka	3,405,806.00	3,405,806.00	3,315,471.88	97.35
B17	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,334,737.00	4,134,737.00	3,935,865.04	95.19
B18	Mahkamah Syariah Negeri Melaka	5,106,818.00	5,106,818.00	4,820,910.24	94.40
B19	Pejabat Mufti Negeri Melaka	3,201,491.00	3,201,491.00	3,074,035.36	96.02
B20	Jab. Kew. Dan Perbendaharaan Negeri Melaka	35,977,403.00	65,007,665.68	62,753,523.15	96.53
B21	Jabatan Pendakwaan Syariah Melaka	1,610,193.00	1,610,193.00	1,318,672.85	81.90
<b>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</b>		<b>380,826,740.00</b>	<b>380,826,740.00</b>	<b>346,632,703.36</b>	<b>91.02</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (SEBELUM PINDAHAN)</b>		<b>390,000,000.00</b>	<b>390,000,000.00</b>	<b>355,735,547.70</b>	
<b>PINDAHAN AKAUN HASIL DISATUKAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (DARI B09 - SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG BERKANUN)</b>				<b>21,000,000.00</b>	
<b>PERBELANJAAN MENGURUS (SELEPAS PINDAHAN)</b>				<b>376,735,547.70</b>	<b>96.60</b>

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus pada 31 Disember 2020.

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang.

Bayaran faedah hutang Kerajaan Negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,000,000.00 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020	2019
	(DEBIT)/KREDIT RM	(DEBIT)/KREDIT RM
<b>PINJAMAN</b>		
Projek Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	80.00	0.00
Bayaran	80.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Pelbagai Pinjaman		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
<b>BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

## 7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, urusniaga semasa terdiri daripada Akaun Penyelesaian yang mengakaunkan urusniaga bagi Akaun Kawalan dan Akaun Kena Bayar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	BAKI PADA 01.01.2020 (DEBIT)/KREDIT	DEBIT	KREDIT	BAKI PADA 31.12.2020 (DEBIT)/KREDIT
	RM	RM	RM	RM
<b>KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>				
Kumpulan Wang Pembangunan	(529,832,682.46)	67,176,874.11	45,591,209.80	(551,418,346.77)
Akaun Penyelesaian	373,363,069.02	1,778,139,607.93	1,824,745,379.23	419,968,840.32
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	245,896,123.63	425,379,867.83	390,109,606.04	210,625,861.84
<b>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</b>	<b>89,426,510.19</b>	<b>2,270,696,349.87</b>	<b>2,260,446,195.07</b>	<b>79,176,355.39</b>

<b>KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>				
Amanah Khas Dan Am	83,011,561.31	59,979,432.73	76,252,133.42	99,284,262.00
<b>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</b>	<b>83,011,561.31</b>	<b>59,979,432.73</b>	<b>76,252,133.42</b>	<b>99,284,262.00</b>
<b>AKAUN DEPOSIT</b>				
Deposit Am	27,472,704.12	6,198,196.97	14,441,149.33	35,715,656.48
Deposit Khusus	1,000,554.15	89,200.00	169,597.90	1,080,952.05
Deposit Pelarasan	1,038,913.01	8,186,250.50	9,452,214.36	2,304,876.87
<b>Jumlah Akaun Deposit</b>	<b>29,512,171.28</b>	<b>14,473,647.47</b>	<b>24,062,961.59</b>	<b>39,101,485.40</b>
<b>JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	<b>201,950,242.78</b>	<b>2,345,149,430.07</b>	<b>2,360,761,290.08</b>	<b>217,562,102.79</b>

Kurangan pembiayaan berjumlah RM30,030,287.95 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

**(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan, Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- i) **Kumpulan Wang Amanah Pembangunan** mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur & Kesejahteraan Hidup, Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dan Pelbagai Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan serta pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020	2019
	(DEBIT)/KREDIT RM	(DEBIT)/KREDIT RM
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	<b>(529,832,682.46)</b>	<b>(531,323,921.18)</b>
<b>TERIMAAN</b>		
Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	21,139,000.00*	21,226,475.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	21,000,000.00	40,231,680.00
Terimaan Bayaran Pembangunan Kerajaan Negeri Melaka	0.00	3,121,459.40
Pelbagai Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan	3,452,209.80*	0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>45,591,209.80</b>	<b>64,579,614.40</b>
<b>BAYARAN</b>		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	67,176,874.11	63,088,375.68
Pinjaman	0.00	0.00
<b>Jumlah Bayaran</b>	<b>67,176,874.11</b>	<b>63,088,375.68</b>
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun	(21,585,664.31)	1,491,238.72
<b>BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(551,418,346.77)</b>	<b>(529,832,682.46)</b>

\*Jumlah terimaan modal adalah RM24,591,209.80.

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2(i) – Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

- ii) Akaun Penyelesaian yang mengakaunkan urusniaga bagi Akaun Kawalan dan Akaun Kena Bayar.

Akaun Penyelesaian pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020	2019
	(DEBIT)/KREDIT RM	(DEBIT)/KREDIT RM
<b>AKAUN PENYELESAIAN*</b>		
Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri	419,969,310.32	0.00
Lain-lain Akaun Penyelesaian	(470.00)	0.00
<b>Jumlah Akaun Penyelesaian</b>	<b>419,968,840.32</b>	<b>0.00</b>

Nota: \* - Akaun ini tidak lagi dikategorikan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada akaun yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020 (DEBIT)/KREDIT RM	2019 (DEBIT)/KREDIT RM
<b>AKAUN PENYELESAIAN*</b>		
Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri	0.00	369,969,310.32
Lain-lain Akaun Penyelesaian	0.00	4,414,671.71
<b>Jumlah Akaun Penyelesaian</b>	<b>0.00</b>	<b>374,383,982.03</b>
<b>AKAUN PINJAMAN</b>		
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	157,772.02	1,081,801.03
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,833,798.51	1,886,107.52
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	1,136,277.34	921,768.86
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	350,327.80	356,599.98
Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai	608,000.00	527,600.00
Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun	34,258,885.28	30,840,785.02
<b>Jumlah Akaun Pinjaman</b>	<b>38,345,060.95</b>	<b>35,614,662.41</b>
<b>KUMPULAN WANG LUAR JANGKA</b>		
Kumpulan Wang Luar Jangka	11,016,700.00	11,016,700.00
<b>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</b>	<b>11,016,700.00</b>	<b>11,016,700.00</b>
Akaun Kena Bayar*	0.00	18,000.00
<b>Jumlah Akaun Kena Bayar</b>	<b>0.00</b>	<b>18,000.00</b>
<b>AKAUN AMANAH KERAJAAN</b>		
Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka	1,348,496.80	1,504,676.75
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Baltulmal / Asnaf	702,413.99	2,125,673.34
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka - Blasa	5,413,607.63	6,836,398.97

Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Negeri Melaka	399,979.51	882,116.01
Kumpulan Wang Amanah Dakwah Negeri Melaka	355,427.56	485,998.22
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka	30,204,261.75	60,761,501.62
Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negeri Melaka	5,907,526.66	1,331,917.49
Akaun Amanah Sumbangan Saliran	1,821,920.93	2,290,959.18
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan	22,985,463.85	23,737,060.83
Kumpulan Wang Amanah Projek Perumahan Awam Negeri Melaka (PAKR)	24.29	1,044,142.94
Kumpulan Wang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)	2,054,647.73	1,502,569.79
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan Negeri	1,356,846.33	969,839.89
Kumpulan Wang Amanah Pembelian MISDC	2,634,786.37	3,603,835.87
Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka	69,276,950.32	76,870,194.17
Kumpulan Wang Amanah Pemuliharaan dan Pemugaran	3,736,569.57	3,841,625.72
Kumpulan Wang Masjid Masjid Negeri	782,214.40	813,354.40
Kump Wang Amanah Prog Industrial Skills Enhancement Prog (INSEP) & W/Force Tech Transformation (WTTTP) dan Robotics	3,959,668.68	4,721,950.08
Tabung Projek Perumahan Terbengkalai	640,821.20	640,821.20
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam Negeri Melaka	1,057,100.72	595,007.91
Kumpulan Wang Amanah Sukan Awam Negeri Melaka	0.00	131,883.00
Kumpulan Wang Amanah Sumber Air Negeri Melaka	5,925,372.60	4,573,233.84
Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka	700,000.00	0.00
<b>Jumlah Akaun Amanah Kerajaan</b>	<b>161,264,100.89</b>	<b>199,264,761.22</b>
<b>JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>	<b>210,625,861.84</b>	<b>620,298,105.66</b>

Nota: \* - Akaun ini telah dikategorikan di bawah Akaun Penyelesaian.

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dapat dirujuk di Lampiran 2(ii) – Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

#### (b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam bagi setiap Kumpulan Wang Amanah pada Disember 2020 adalah seperti berikut:

31

PERIHAL	2020	2019
	(DEBIT)/KREDIT RM	(DEBIT)/KREDIT RM
Akaun Amanah Am Negeri Melaka	42,083,909.27	24,426,683.39
Akaun Amanah Infrastruktur	11,660,842.81	10,053,531.40
Akaun Amanah Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Melaka	30,953,630.13	34,897,295.51
Akaun Amanah Caj Warisan	13,026,438.11	12,278,599.23
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	453,238.97	453,238.97
Akaun Amanah JKKK Negeri Melaka	707,650.00	517,350.00
Akaun Amanah Kumpulan Briged Seni Negeri Melaka	115,756.61	106,866.71
Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka	274,990.00	270,190.00
Akaun Amanah JK Pendukung Askar Wataniah N.Melaka	7,806.10	7,806.10
<b>JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>	<b>99,284,262.00</b>	<b>83,011,561.31</b>

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Awam dapat dirujuk di Lampiran 2(iii) – Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

#### (c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020	2019
	(DEBIT)/KREDIT RM	(DEBIT)/KREDIT RM
<b>DEPOSIT AM</b>		
Akaun Deposit Am Jabatan Negeri	1,135,876.93	1,016,680.56
Akaun Cagaran	7,789,806.75	2,882,574.20
Akaun Cagaran Kantin	5,000.00	5,000.00
Akaun Cagaran Sewa Bangunan/Gerai/Kedai	7,035.00	8,745.00
Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	25,482,503.73	23,067,518.79

Akaun Deposit Tanah*	0.00	294,000.00
Akaun Deposit Cukai Hiburan	48,960.00	48,960.00
Akaun Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah*	0.00	623,840.00
Akaun Deposit Sistem Kultur Laut*	0.00	19,714.15
Pelbagai Deposit Am	1,246,474.07	443,225.57
Akaun Deposit Pejabat Daerah Jasin*	0.00	63,000.00
<b>Jumlah Deposit Am</b>	<b>35,715,656.48</b>	<b>28,473,258.27</b>
<b>DEPOSIT KHUSUS</b>		
Akaun Deposit Mahkamah Tinggi/Rendah/Syariah	715,290.00	0.00
Akaun Deposit Pejabat Tanah	285,000.00	0.00
Akaun Deposit Pejabat Daerah	60,000.00	0.00
Akaun Deposit Sistem Kultur Laut	20,662.05	0.00
<b>Jumlah Deposit Khusus</b>	<b>1,080,952.05</b>	<b>0.00</b>
<b>DEPOSIT PELARASAN</b>		
Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal**	1,694,699.62	0.00
Akaun Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal**	610,177.25	0.00
<b>Jumlah Deposit Pelarasaran</b>	<b>2,304,876.87</b>	<b>0.00</b>
<b>JUMLAH AKAUN DEPOSIT</b>	<b>39,101,485.40</b>	<b>28,473,258.27</b>

**Nota:**

- i) \* Akaun deposit ini telah dikategorikan di bawah Deposit Khusus dan tidak lagi di bawah Deposit Am.
- ii) \*\* Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT telah dikategorikan di bawah Deposit Pelarasaran dan tidak lagi di bawah Akaun Penyelesaian.

Maklumat terperinci Akaun Deposit mengikut jabatan dapat dirujuk di Lampiran 2 (iv) – Penyata Akaun Wang Deposit.

## 8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### (a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat.

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	BAKI BELUM SELESAI PADA	
	2020 RM	2019 RM
<b>Sumber Persekutuan</b>		
Badan Berkanun	298,572,153.81	300,204,067.13
<b>Sumber Negeri</b>		
Pihak Berkuasa Tempatan	0.00	644,328.78
Badan Berkanun	28,056,882.08	38,785,560.73
Syarikat	94,067,640.10	86,327,141.76
<b>JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</b>	<b>420,696,675.99</b>	<b>425,961,098.40</b>

Maklumat terperinci bagi Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2020.

#### (b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan pemilikan aset.

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	NILAI BUKU	
	2020 RM	2019 RM
Tabung Amanah Melaka (Saham Tak Tersiar)	28,111,131.00	8,100,002.00
Perbadanan Ketua Menteri (Saham Tak Tersiar)	0.00	18,981,000.00
Tabung Amanah Melaka (Hartanah)	154,546,043.99	82,947,993.99
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>182,657,174.99</b>	<b>110,028,995.99</b>

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2020.

### 9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Jaminan Berkanun yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**(a) Hutang Awam**

Hutang Awam diklasifikasikan sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis IPSAS*. Hutang Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020 RM	2019 RM
<b>DALAM NEGERI</b>		
Badan Berkanun	200,420,031.61	203,330,579.73
Bekalan Air	131,281,773.00	133,151,733.00
Perumahan Awam Kos Rendah	90,159,632.93	90,159,632.93
Pelbagai	221,174,339.34	394,988,789.29
<b>Jumlah Hutang Awam</b>	<b>643,035,776.88</b>	<b>821,630,774.95</b>

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5(i) - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2020.

**(b) Jaminan Berkanun**

Maklumat terperinci Jaminan Berkanun dapat dirujuk di Lampiran 5(ii) - Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2020.

**10. AKAUN BELUM TERIMA**

Akaun Belum Terima (ABT) pada 31 Disember 2020 berjumlah RM143,460,067.71, meningkat sebanyak RM77,422,577.15 (117.24%) berbanding RM66,037,490.56 pada tahun 31 Disember 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan mengambilkira ABT bagi Tunggakan Faedah Bayaran Balik Pinjaman Sumber Negeri dan Sumber Persekutuan (sebelum ini telahpun dinyatakan pada Memorandum Aset di Lampiran 3(i) dan 3(ii)). Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Negeri Melaka(TAPEM) kategori Asnaf dan Biasa tidak dilaporkan oleh jabatan sebelum ini. Pecahan ABT pada adalah seperti berikut:

PERIHAL	2020 RM	2019 RM
1 Pinjaman Pendidikan TAPEM	31,481,070.78	0.00
2 Pelbagai Akaun Belum Terima:		
- Tunggakan Hasil	66,343,192.97	54,040,355.86
- Tunggakan Hutang-Hutang Lain	11,453,604.97	11,997,134.70
- Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Tuntut	34,182,198.99	0.00
<b>Jumlah Akaun Belum Terima</b>	<b>143,460,067.71</b>	<b>66,037,490.56</b>

Jumlah ABT adalah berdasarkan rekod jabatan dan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

#### **11. WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR**

Tiada amaun pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuhbalik pada 31 Disember 2020.

#### **12. SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN KERAJAAN NEGERI MELAKA**

Sehingga 31 Disember 2020, terdapat sebanyak 4 buah syarikat berhad menurut jaminan Kerajaan Negeri. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

1. Kolej Universiti Islam Melaka Berhad
2. Institut Pengurusan Dan Integriti Melaka
3. Institut Tun Perak
4. Institut Warisan Melaka





**AKRONIM**



---

## AKRONIM

---

<b>ABT</b>	Akaun Belum Terima
<b>ADUN</b>	Ahli Dewan Undangan Negeri
<b>AP</b>	Arahan Perbendaharaan
<b>BBN</b>	Badan Berkanun Negeri
<b>CMI</b>	Perbadanan Ketua Menteri
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>EFT</b>	Electronic Fund Transfer
<b>EOM</b>	Emphasis of Matter
<b>EXCO</b>	Executive Committee
<b>FAS</b>	Firma Audit Swasta
<b>FRS</b>	Financial Reporting Standards
<b>ICQS</b>	Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan
<b>ICT</b>	Information and Communication Technology
<b>iSPEKS</b>	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri
<b>ISSAI</b>	International Standards Of Supreme Audit Institutions
<b>JKKK</b>	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
<b>JANM</b>	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
<b>JANM Melaka</b>	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka
<b>JAPERUN</b>	Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dewan Undangan Negeri
<b>JKPNM</b>	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JKR Melaka</b>	Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
<b>JPPH</b>	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
<b>KAM</b>	Key Audit Matters
<b>KMB</b>	Kumpulan Melaka Berhad
<b>KPI</b>	Key Performance Indicator
<b>KTIAM</b>	Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka
<b>KTIM</b>	Kolej Teknologi Islam Melaka
<b>KWATAM</b>	Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka
<b>LPM</b>	Lembaga Perumahan Melaka
<b>MAI</b>	Majlis Agama Islam
<b>MAIM</b>	Majlis Agama Islam Melaka
<b>MASB</b>	Malaysian Accounting Standards Board
<b>MBMB</b>	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

<b>MFRS</b>	Malaysian Financial Reporting Standards
<b>MPAG</b>	Majlis Perbandaran Alor Gajah
<b>MPERS</b>	Malaysian Private Entity Reporting Standards
<b>MPHTJ</b>	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
<b>MPJ</b>	Majlis Perbandaran Jasin
<b>MPSAS</b>	Malaysian Public Sector Accounting Standards
<b>MRC</b>	Melaka River Cruise
<b>MSNM</b>	Majlis Sukan Negeri Melaka
<b>OM</b>	Other Matters
<b>PBM</b>	Perbadanan Bioteknologi Melaka
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PERPUSTAM</b>	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
<b>PDTJ</b>	Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
<b>PDTAG</b>	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
<b>PDTMT</b>	Pejabat Daerah dan Melaka Tengah
<b>PERTAM</b>	Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka
<b>PERZIM</b>	Perbadanan Muzium Negeri Melaka
<b>PKNM</b>	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
<b>PPSPM</b>	Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka
<b>PSM</b>	Perbadanan Stadium Melaka
<b>PSHM</b>	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.
<b>PTHM</b>	Perbadanan Teknologi Hijau Melaka
<b>PTJ</b>	Pusat Tanggungjawab
<b>QAP</b>	Quality Assurance Program
<b>RMKe-11</b>	Rancangan Malaysia Ke-11
<b>SAMB</b>	Syarikat Air Melaka Berhad
<b>SOP</b>	Standard Operating Procedures
<b>SPEKS</b>	Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>SST</b>	Surat Setuju Terima
<b>TAM</b>	Tabung Amanah Melaka
<b>TAPEM</b>	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka
<b>WJP</b>	Wang Jaminan Pelaksanaan
<b>WTD</b>	Wang Tak Dituntut
<b>YM</b>	Yayasan Melaka





[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

**JABATAN AUDIT NEGARA**

ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA

